

Jilid I
Bil. 88



Hari Isnin
14hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Pertanyaan Dijadikan Pertanyaannya Sendiri [Ruangan 12417]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 12419]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUART 18:

Pusat Serenti Tampin [Ruangan 12456]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 16 hingga B. 18 [Ruangan 12459]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984

Jawatankuasa—

Maksud P. 16 dan P. 18 [Ruangan 12459]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO'
SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,
DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

- Yang Berhormat TUN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

Yang Berhormat TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AJ-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungaï Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 14hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DIPERTUA**

**PERTANYAAN DIJADIKAN
PERTANYAAN SENDIRI**

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kerap melihat Ahli-ahli Yang Berhormat bangun di dalam Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut untuk menjadikan pertanyaan itu sebagai pertanyaannya sendiri pada masa mula soalan itu dipanggil iaitu pada masa ahli yang bertanyakan soalan itu tidak hadir sendiri di dalam Dewan pada ketika soalan itu dipanggil. Perbuatan ini telah membangkitkan salah faham daripada penjawab soalan, kerana ada yang mentafsirkan jika tiada ahli yang bangun pada ketika itu, maka soalan itu tidak payah dijawab jika soalan berbalik semula manakala lepas kesemua soalan telah terjawab.

Bersangkut dengan perkara ini, saya suka hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 24 (2) yang berbunyi demikian:

“Jika seseorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawab mulut itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaannya, maka siapa-siapa ahli lain bolehlah mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaannya sendiri dan bolehlah ia berdiri di tempatnya apabila

semua pertanyaan-pertanyaan yang lain untuk hari itu telah diselesaikan dan mengeluarkan pertanyaan itu mengikut seperti yang ditetapkan di atas tadi.”

Pada fahaman saya apa yang dimaksudkan oleh Peraturan ini ialah sesiapa ahli tidak dikehendaki berdiri pada masa mula-mula soalan itu dipanggil tetapi mana-mana ahli bolehlah jika ia hendak berbuat demikian untuk menjadikan soalan itu sebagai soalnya sendiri bangun pada masa soalan itu dipanggil kali yang kedua iaitu manakala segala soalan-soalan lain telah habis dijawab. Perkataan-perkataan, “Maka siapa-siapa lain bolehlah mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaannya sendiri dan boleh berdiri di tempatnya apabila semua pertanyaan-pertanyaan yang lain untuk hari itu telah diselesaikan.” Itu bunyinya.

Di dalam Peraturan itu tidak disebut tentang berdiri pada mula soalan itu dipanggil. Apa yang disebutkan ialah berdiri manakala pertanyaan-pertanyaan lain telah diselesaikan.

Saya juga hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Peraturan 24 (2) itu telah pun dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan:

“apabila semua pertanyaan-pertanyaan yang lain untuk hari itu telah diselesaikan,”

mengikut DR. 2 Tahun 1981.

Oleh itu, saya berharap janganglah pada masa hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat bangun pada mula

pertanyaan itu dipanggil melainkan jika soalan itu haknya sendiri. Tunggulah pada kali yang kedua soalan itu dipanggil. Dengan berbuat demikian, kita berharap dapat mengelakkan salah faham. Selain daripada itu kita dapat menjimatkan sedikit masa. Tambahan lagi kita dapat mengelakkan penjawab-penjawab daripada tersilap kerana menjawab kepada soalan yang tidak dikehendaki jawab kerana ia tidak memastikan sama ada yang bangun bertanya itu ahli tuan punya pertanyaan itu atau sekadar ahli mencedok sahaja.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN
LADANG GETAH/KELAPA
SAWIT—KEMUDAHAN
INFRASTRUKTUR**

1. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Buruh menyatakan sejauh mana kajian, penyelidikan telah dibuat mengenai kesulitan pekerja-pekerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang telah dipecah-pecahkan dan mempunyai ramai majikan yang kebanyakannya tidak bertanggungjawab dalam memberi kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik, air, rumah, sekolah dan lain-lain dan apakah usaha yang sedang dijalankan dan dilaksanakan untuk mengatasi kesulitan-kesulitan tersebut.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak ada menjalankan kajian khusus mengenai kesulitan perumahan dan lain-lain kemudahan bagi pekerja-pekerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang telah dipecah-pecahkan memandangkan pihak majikan tidak diwajibkan untuk menyediakan kemudahan perumahan itu. Walau bagaimanapun, di ladang-ladang di

mana terdapat kemudahan perumahan bagi pekerja-pekerja disediakan keadaan perumahan itu serta kawalan kebersihan dan lain-lain kemudahan hendaklah mematuhi peruntukan di bawah Akta Piawaian Perumahan Pekerja, 1966. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan untuk memastikan perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat apabila berlakunya pemecahan dan penjualan sesuatu ladang pemilik-pemilik ladang itu adalah dikehendaki membayar segala faedah dan imbuhan kepada pekerja-pekerja mereka mengikut peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana perjanjian bersama yang berkuatkuasa pada masa itu. Setelah bayaran-bayaran itu dibuat pekerja-pekerja yang terlibat itu tidaklah lagi di bawah pengkajian pemilik asal itu dan mereka adalah bebas untuk bekerja dengan mana-mana majikan.

Walaupun bagaimanapun, pemilik baru ladang itu boleh terus menggajikan pekerja-pekerja itu dengan memberi kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama sekiranya pekerja-pekerja itu tidak dibayar faedah penempatan atau imbuhan. Dalam keadaan ini perkhidmatan seseorang pekerja itu adalah dianggap sebagai berterusan, di sebaliknya pemilik baru itu tidak diwajibkan memberi kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama sekiranya pekerja-pekerja yang terlibat itu telah dibayar faedah-faedah tersebut.

Dalam keadaan ini di mana terdapat kadar gaji yang dibayar itu terlalu rendah, pegawai-pegawai dari Kementerian saya akan menggesa pemilik-pemilik yang berkenaan supaya membayar kadar gaji yang menasabah dan berpatutan.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi, di ladang-ladang di mana terdapat tempat

kediaman bagi pekerja-pekerja disediakan, keadaan tempat kediaman itu hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja, 1966. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa mengadakan lawatan ke tempat-tempat kediaman seumpama itu dan memberi teguran kepada pemilik-pemilik ladang atau mengambil tindakan lain yang perlu.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada maklumat-maklumat mengenai mana-mana ladang yang menyediakan tempat kediaman dengan kemudahan-kemudahan asas yang kurang baik atau membayar kadar gaji yang terlalu rendah, Kementerian saya bersedia menjalankan penyiasatan ke atas orang-orang itu dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Ismail bin Arshad: Dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kementerian beliau tidak ada menjalankan penyiasatan dan kajian berhubung dengan kesulitan-kesulitan yang dialami oleh pekerja-pekerja di ladang. Jadi, saya ingin tahu di masa-masa akan datang sama ada pihak Kementerian beliau bercadang hendak mengadakan kajian dan penyelidikan berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di ladang dan adakah pihak Kementerian beliau bercadang hendak mewajibkan supaya setiap majikan mestilah menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada pekerja-pekerja di tiap-tiap ladang.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan pertama Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa Yang Berhormat itu barangkali ada sedikit salah faham. Pertanyaan asal itu adalah mengenai kesulitan pekerja di ladang-ladang yang dipecahkan bukan semua ladang-ladang.

Jawapan kedua itu, memang hasrat Kerajaan supaya boleh melihat pekerja-pekerja di negara ini dapat kemudahan-kemudahan perumahan keseluruhannya, tetapi ini adalah satu masalah yang rumit dan pada masa sekarang belum dapat diper-timbangkan lagi.

Walau bagaimanapun, kajian sedang dijalankan supaya pada suatu hari bila keadaan negara kita ada lebih baik cadangan akan disampaikan kepada Kerajaan lagi.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan masalah ladang-ladang ini, saya ingin bertanya Timbalan Menteri Buruh berapa luaskah yang diistilahkan sesebuah ladang dan berapa ramai pekerja-pekerja dalam sesebuah ladang di bawah kawalan Kementerian ataupun di bawah kelolaan Kementerian Buruh.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kami tidak ada satu had besarnya ladang itu, mengikut tafsiran di bawah undang-undang buruh, suatu ladang yang boleh dipanggil estet adalah 100 ekar ke atas.

Walau bagaimanapun, di mana-mana kebun-kebun kecil atau ladang-ladang di mana ada pekerja, itu pun dalam kawalan Kementerian saya.

AGENSI-AGENSI YANG DISWASTAKAN

2. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah bidang-bidang kegiatan agensi-agensi di bawahnya yang akan "diswastakan" di bawah dasar "penswastaaan" Kerajaan. Adakah satu garis panduan disediakan oleh Kementerian bagi agensi-agensi seperti PKEN-PKEN, bagi memastikan apa-apa langkah "penswastaaan" oleh agensi-agensi

Kerajaan tersebut tidak bercanggah dan bagi kepentingan sepenuhnya Bumiputera memandangkan agensi-agensi tersebut ditubuhkan dengan tujuan asal untuk “memegang amanah” bagi pihak Kerajaan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang Dipertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, agensi-agensi yang di bawah Kementerian Perusahaan Awam adalah agensi-agensi yang tujuan utamanya untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru khususnya dalam penyusunan semula masyarakat melalui program-program yang dijalankan bagi menggalakkan penyertaan bumiputera di dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Di antara agensi-agensi yang terlibat ialah Badan-badan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang menjalankan kegiatan melalui kegiatan-kegiatan seperti pelaburan, pembangunan kawasan-kawasan perindustrian dan pembangunan harta seperti perumahan.

Bagi menswastakan kegiatan-kegiatan agensi-agensi tersebut, satu kajian yang teliti adalah perlu dibuat, yang antara lain memastikan bahawa pelaksanaan penswastakan itu tidak akan menghalang matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Bumiputera akan memperoleh bahagian mereka sama ada dari segi ekuiti ataupun peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, setakat ini telah ada kegiatan tertentu seperti pembangunan harta dan Pembangunan Perumahan, yang telah dilaksanakan oleh pihak swasta sama ada secara usahasama ataupun yang telah diserahkan terus secara “turnkey” kepada pihak swasta itu. Demikian juga terdapat beberapa buah syarikat PKEN yang telah pun dipindahmilik kepada swasta (bumiputera). Penglibatan pihak swasta dan pemindahan syarikat dibuat selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan oleh yang demikian soal

percanggahan tidaklah timbul. Usaha-usaha untuk mengenalpasti bidang-bidang lain yang boleh diserahkan kepada pihak swasta masih berjalan sekarang.

Tuan Yang Dipertua, buat masa ini sebuah jawatankuasa telah pun ditubuhkan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji dan mewujudkan garis panduan di dalam perlaksanaan dasar penswastakan itu. Perlaksanaan konsep penswastakan bagi agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam seperti PKEN-PKEN akan diselaraskan dengan garis-garis panduan itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Memandangkan hasrat Kerajaan untuk menswastakan agensi-agensinya, saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu badan seperti Suruhanjaya Anti Monopoli supaya menjamin usaha-usaha penswastakan ini tidak dijatuhkan dalam tangan atau dimonopoli oleh sesiapa individu atau segolongan syarikat-syarikat yang tertentu.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana perkara hendak memonopolikan mana-mana aktiviti oleh sesiapa pihak tidak timbul maka tidak adalah apa-apa cadangan.

PERJANJIAN KAPAL BILATERAL

3. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah banyaknya Perjanjian Perkapalan bilateral telah pun ditandatangani dengan negara-negara yang berdagang dengan kita dan bolehkah Yang Berhormat Menteri membekalkan butiran-butiran atas rundingan-rundingan yang tercapai dengan Kerajaan Negeri China baru-baru ini khususnya hak-hak kita dalam pengangkutan kargo nasional (carriage

of National cargo) dan hak-hak "access to ports".

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pengangkutan sedang berusaha mengadakan Perjanjian Perkapalan dengan beberapa Negara, khasnya negara-negara yang merupakan rakan perdagangan utama. Tujuan utama perjanjian-perjanjian tersebut adalah bagi memajukan industri perkapalan Negara kita dengan membuka peluang kepada kapal-kapal Malaysia mengadakan perkhidmatan secara terus menerus dengan negara-negara yang berkaitan. Dengan tujuan demikian, setakat ini Perjanjian Perkapalan telah ditandatangani dengan tiga buah negara iaitu Indonesia, Bangladesh dan Turkey.

Berhubung dengan cadangan perjanjian perkapalan dengan China, rundingan pertama telah diadakan di Kuala Lumpur dari 16hb hingga 19hb Ogos, 1983 yang lalu. Dalam rundingan dua-hala ini, persetujuan pada amnya telah dicapai oleh kedua-dua pihak terhadap beberapa aspek perjanjian yang dicadangkan, termasuk hak kapal-kapal Malaysia dan China bagi menggunakan semua pelabuhan-pelabuhan antarabangsa bagi kedua-dua negara. Di samping itu, kedua-dua pihak juga telah bersetuju pada prinsipnya mengenai kepentingan mengadakan pembahagian pengangkutan kargo yang saksama. Adalah dijangka bahawa isu ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi pada awal tahun 1984 semasa rundingan kedua-dua pihak diadakan kelak.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Timbalan Menteri beliau ada mengatakan ada perjanjian dengan 3 buah negara lain sahaja. Saya ingin bertanya adakah pihak Kerajaan bercadang membuat rundingan dengan negara-negara maju

supaya perjanjian bilateral ini boleh diadakan dengan negara-negara lain terutama sekali dengan negara maju. Kalau tidak ada, mengapa; adakah itu merupakan kita tidak ada cadangan atau satu plan untuk memecah monopoli FEFC?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik dan Kerajaan memang mengkaji perkara ini dari satu masa ke satu masa dan jika didapati perlu maka kita boleh memulakan rundingan. Setakat ini rundingan-rundingan sedang diadakan dengan pihak Amerika Syarikat, Korea Selatan dan juga Sri Lanka dan jika didapati perlu maka kita akan menguruskan rundingan dengan negara-negara maju yang lain.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

4. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Kewangan menyatakan apakah nilai sebenarnya ringgit Malaysia yang sentiasa turun naik dan adakah kemelesetan ekonomi dunia hari ini serta harga rendah untuk barangan utama kita telah menjejaskan nilai matawang kita.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, nilai ringgit kita adalah kukuh jika dibandingkan dengan kebanyakan matawang utama kecuali dolar Amerika dalam tempoh 9 bulan pertama tahun ini. Nilai ringgit telah meningkat sebanyak 1.7% berbanding dengan Gabungan Matawang Rasmi rakan-rakan perdagangan utama Malaysia, 7.2% berbanding dengan paun sterling, 8.7% berbanding dengan Deutchemark, 0.1% berbanding dengan dolar Singapura dan 2.9% berbanding dengan SDR. Ianya merosot sedikit sebanyak 1.2% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan 2% berbanding dengan Yen Jepun. Nilai matawang sama ada ringgit atau matawang negara-negara

lain adalah sentiasa turun naik apabila diperdagangkan di pasaran pertukaran wang asing berikutan dari kesan penawaran dan permintaan.

Turun naiknya nilai matawang adalah bergantung kepada keadaan ekonomi dan perdagangan negara. Maka tidaklah menghairankan sekiranya nilai ringgit kita berubah dari masa ke semasa. Kekukuhan dalam nilai ringgit kita adalah sebahagiannya disebabkan oleh kemerosotan yang lebih besar dalam nilai-nilai lain-lain matawang asing jika dibandingkan dengan dolar Amerika Syarikat; tetapi nilai ringgit kita merosot sedikit sahaja dengan dolar Amerika Syarikat. Oleh itu, nilai ringgit kita adalah lebih kukuh jika dibandingkan dengan matawang lain dari segi nilai dolar Amerika Syarikat.

Sebelum bulan Jun 1983 nilai ringgit kita adalah bertambah baik jika dibandingkan dengan dolar Amerika Syarikat disebabkan oleh prestasi ekonomi dan perdagangan Amerika Syarikat yang kurang baik. Tetapi selepas bulan Jun, keadaan ini mula bertukar. Nilai dolar Amerika Syarikat telah mula meningkat apabila didapati ekonomi Amerika Syarikat mula pulih dan menjadi semakin kukuh. Lagi pun ia telah dipengaruhi oleh kadar faedah yang tinggi di Amerika Syarikat.

Memang kita akui bahawa kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku hari ini telah membawa kejatuhan harga barangan utama kita khususnya dan dunia amnya. Akan tetapi negara kita telah dapat menghadapi suasana kemelesetan ini dengan baik jika dibandingkan dengan lain-lain negara perindustrian dari segi kadar pertumbuhan keluaran. Ini menunjukkan kekukuhan dan ketahanan ekonomi Malaysia, sedangkan beberapa negara perindustrian utama menghadapi pertumbuhan yang negatif dan pengangguran yang meningkat. Oleh itu, kemelesetan ekonomi yang melanda seluruh

dunia hari ini tidak sedikit pun menjejaskan prestasi nilai matawang kita, bahkan nilai ringgit terus kukuh dan stabil.

Kita menjangka nilai ringgit akan terus kukuh di masa hadapan oleh kerana kedudukan dan prospek ekonomi negara yang baik berikutan dari pemulihan ekonomi dunia yang sedang berlaku sekarang ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan adakah Yang Berhormat Mulia sedar bahawa satu masa dahulu matawang kita ini adalah sama dengan matawang Singapura. Jadi apabila keadaan meleset, nilai matawang kita menurun tetapi nilai matawang Singapura adalah di dalam keadaan nilainya lebih baik daripada negara kita walaupun keadaan meleset. Apakah dengan keadaan begitu ekonomi dunia yang bergantung kepada perdagangan itu tidak menjadikan apa-apa akibat dengan keadaan kemelesetan ini dan apakah langkah supaya nilai kita ini dapat menyamai nilai di Singapura?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, kita mestilah menerima hakikat bahawa nilai matawang sesebuah negara tidak dapat disamakan dengan nilai matawang negara yang lain, oleh kerana keadaan ekonomi berlainan serta struktur ekonomi dalam sebuah negara itu berlainan dan ianya bergantung sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi atas penawaran dan permintaan wang kita. Jadi kalaulah penawaran wang kita lebih daripada permintaan, maka dengan sendirinya nilai matawang kalau dibandingkan dengan negara yang memohon itu akan merosot dan akan jatuh. Samalah juga kita sering mendengar ramai rakyat Malaysia ini terutama sekali yang tinggi berhampiran dengan Singapura iaitu di negeri Johor

membandingkan nilai matawang kita dengan nilai matawang Singapura, padahal Singapura adalah negara asing yang mempunyai matawang berasingan daripada kita. Tetapi kita masih lagi dikongkong oleh pengaruh lama dalam mana kita pernah menggunakan matawang yang sama, tetapi keadaan ekonomi Singapura amat berlainan daripada susunan dan struktur ekonomi Malaysia. Tidak dapat tidak perbezaan nilai akan berlaku, lebih-lebih lagi apabila ianya bersandar kepada keadaan ekonomi dan juga perdagangan di antara kita dengan Singapura sendiri.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sama ada Bank Negara ada terlibat dalam pasaran matawang untuk mengekalkan atau mempertahankan nilai ringgit Malaysia?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, sebagai sebuah bank pusat, memang ia ada mengambil bahagian dan campurtangan dari semasa ke semasa sekiranya difikir perlu dan penting di dalam pasaran wang asing untuk menjamin supaya keadaan yang teratur akan wujud untuk menjamin dan mempertahankan nilai matawang kita.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau dibandingkan dengan Jepun, nilai matawang kita telah meningkat sedikit dan ekonomi Jepun itu adalah kukuh walaupun terdapat kemerosotan ekonomi dunia. Adakah Kerajaan akan mengambil langkah untuk mengubah nilai wang negara ini berbanding dengan Jepun?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Memang elok sekiranya nilai matawang kita ini tidak sebegitu kukuh sebagaimana yang terdapat di masa-masa yang lepas dan pada ketika-ketika yang tertentu oleh

kerana kalaulah nilai matawang kita ini terlampau kukuh, maka ia akan menyebabkan pengaliran wang dengan banyak ke luar negeri kerana import menjadi lebih murah dan memang mencenderungkan ramai di antara kita melancung ke luar negeri dan sebagainya. Oleh kerana itu kita, sebagaimana saya jawab kepada soalan tambahan tadi, cuba seberapa daya upaya untuk menjamin supaya akan wujud keadaan yang teratur dalam pasaran matawang asing. Tetapi Kerajaan tidak sekali-kali hendak campurtangan dalam soal nilai matawang ini. Ramai orang telah berkali-kali meminta Kerajaan dan juga meminta kepada saya supaya menilai semula matawang ringgit kita kerana ianya terlampau kuat kalau dibandingkan dengan Yen Jepun ataupun Deutchemark, ataupun dengan nilai - matawang yang lain kecuali Singapura dan dolar Amerika, tetapi suka saya menyatakan di sini bahawasanya Kerajaan tidak akan menilai semula nilai matawang kita kerana kita dapati bahawa permintaan dan penawaran dalam pasaran matawang asing itu sudah mencukupi untuk menjamin kedudukan yang sebenar nilai matawang kita.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan memandangkan resesi dalam ekonomi dunia diakibatkan oleh resesi dalam negara maju terutama sekali Amerika Syarikat dan OECD, adakah ini merupakan sistem matawang "Brettonwoods" akan gagal? Saya mendapat tahu Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru kembali dari satu rundingan yang dinamakan "Tightwater Conference". Dan adakah soal ini dibentangkan dalam rundingan itu dan adakah negara-negara maju jua bercadang mengubahsuaikan sistem matawang "Brettonwoods" itu.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Keadaan kucar-kacir di bidang kewangan antarabangsa ini tidak ada kena mengena dengan sistem matawang asing yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa. Tetapi ini adalah oleh kerana susunan ekonomi antarabangsa tidak begitu tegap dan perlu disusun semula dan itulah sebabnya kita selalu mengadakan rundingan-rundingan supaya bukan sahaja mekanisme dan sistem yang wujud itu perlu diubahsuaikan tetapi satu cara yang baru untuk mewujudkan sistem yang baru untuk melindungi terutama sekali negara-negara membangun daripada terjejasnya oleh kerana kemelesetan ekonomi dunia ataupun oleh kerana lembabnya perdagangan antara-bangsa.

PERKHIDMATAN PERKAPALAN DAN PENGEKSPORTAN NEGARA

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah insentif dan kemajuan yang telah diambil untuk meningkatkan lagi perkhidmatan perkapalan dan pengeksportan kita ke negara-negara luar supaya Malaysia tidak lagi hanya bergantung kepada perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat-syarikat asing dan dengan demikian boleh menyelamatkan pertukaran-pertukaran asing kita.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar betapa perlunya perkhidmatan perkapalan dan pengeksportan negara dipertingkatkan. Ini bukan sahaja untuk menyelamatkan pertukaran asing tetapi juga bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi negara terutamanya di sektor eksport barangan atau perkhidmatan berkenaan.

Kementerian saya memang sedar bahawa sekarang ini kita sangat bergantung kepada syarikat perkapalan asing dan kesan dari keadaan ini telah menyebabkan pertukaran asing bagi perkhidmatan tersebut mengalir dengan banyaknya ke luar negeri. Bagi memperbaiki keadaan tersebut, beberapa langkah perlu telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (1) Mengujudkan sebuah syarikat perkapalan yang baru iaitu Perbadanan Nasional Shipping Line Berhad (PNSL). Dengan ini keupayaan pertanon (carrying capacity) kapal-kapal Malaysia telah ditambah selaras dengan usaha bagi meningkatkan penyertaan Malaysia dalam bidang perkapalan.
- (2) Memperkenalkan beberapa insentif bagi kemajuan industri perkapalan negara seperti pengecualian cukai bagi syarikat-syarikat yang baru selama 24 tahun dan pengecualian dari cukai import bagi kapal-kapal yang beratnya lebih dari 26 tan;
- (3) Memberi perhatian kepada pelaksanaan, dengan izin "United Nations Code of Conduct for Liner Conference" yang akan memberikan hak mengangkut kargo kepada syarikat-syarikat perkapalan Malaysia; dan
- (4) Kerajaan juga memperbaiki dari masa ke semasa insentif eksport untuk memperkukuhkan lagi eksport kita. Di antaranya ialah kadar elaun eksport yang diberi telah diperbaiki di mana kadar baru sebanyak 5% pada nilai F.O.B. Potongan dua kali (double deduction) perbelanjaan penginapan dan subsistence di seberang laut dipertingkatkan

ke \$200. Kemudahan diberi juga kepada pedagang-pedagang bukan kepada pekilang sahaja.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu sama ada langkah memajukan perkhidmatan perkapalan Malaysia adalah sesuai pada masa ini memandangkan terdapat persaingan yang competitive di dunia perkapalan?

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, boleh ulang lagi satu kali.

Tuan Chan Kok Kit: Sama ada langkah memajukan perkhidmatan perkapalan Malaysia adalah sesuai pada masa ini memandangkan terdapat persaingan yang competitive di dunia perkapalan?

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, ada sesuai buat sementara ini.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Baru-baru ini negara kita telah kerugian sebanyak \$3 billion kerana tambang perkapalan dengan menggunakan kapal-kapal asing bagi eksport utama negara. Tidakkah Kerajaan ataupun Kementerian bercadang untuk menggubal satu dasar yang kemas dan rapi misalnya dasar perkapalan kebangsaan bagi mengatasi masalah ini?

Tuan Oo Gin Sun: Berkenaan dengan dasar ini, Kementerian saya akan mengambil perhatian untuk ditimbangkan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim tidak hadir).

MAJUIKAN—STRATEGI BARU DILAKSANAKAN

7. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan mengenai kedudukan MAJUIKAN sekarang iaitu adakah badan tersebut secara keseluruhan mengalami kerugian. Kalau ya, berapa banyakkah kerugian tersebut. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang Dipertua, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah satu badan perundangan untuk menjalankan program-program bercorak sosio-ekonomi di mana sukar untuk diukur kejayaannya secara untung rugi. Program-program yang dijalankan oleh LKIM bertujuan meninggikan pendapatan nelayan. Dengan demikian, program-program pembangunan digubal supaya nelayan-nelayan tidak dieksplotasikan oleh orang-orang tengah.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa bagi projek-projek perniagaan Lembaga sendiri tidak menjalankannya tetapi di sebaliknya projek itu dijalankan oleh Persatuan-persatuan Nelayan. Kementerian saya sentiasa mengikuti secara terperinci kemajuan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dari masa ke semasa.

Salah satu daripada strategi baru yang telah dilaksanakan oleh LKIM baru-baru ini ialah konsep pembangunan secara bersepadu melalui kawasan pembangunan nelayan.

Melalui pendekatan baru ini, semua program-program pembangunan bagi masyarakat nelayan dilaksanakan

menerusi jentera pusat kawasan pembangunan nelayan. Dengan cara ini penyampian input-input dari Kerajaan kepada nelayan akan dapat disalurkan secara berkesan dan seterusnya akan mengelakkan dari timbulnya penindihan projek di antara agensi-agensi Kerajaan berkenaan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa LKIM ataupun MAJUIKAN menjalankan program perkhidmatan bagi meninggikan taraf sosio-ekonomi kaum nelayan. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah strategi-strategi baru MAJUIKAN atau LKIM ini bagi memastikan kejayaan perniagaan Persatuan-persatuan Nelayan, projek slipway, program-program pemasaran ikan di dalam negara kita ini?

Soalan yang kedua, bolehkah MAJUIKAN memberikan jaminan bahawa setiap kawasan pembangunan nelayan yang diwujudkan di dalam negara ini LKIM memberikan bantuan bagi membina rumah-rumah para nelayan sebagai modal pendahuluan dan kemudian apabila rumah para nelayan sebagai modal pendahuluan dan kemudian apabila rumah tersebut telah siap, nelayan-nelayan secara beransur-ansur membayarnya kepada LKIM?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang Dipertua, di atas soalan yang pertama, projek-projek itu adalah merupakan projek-projek perniagaan yang akan dijalankan oleh Persatuan Nelayan yang dipunyai oleh nelayan-nelayan sendiri. Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia adalah menentukan supaya pengurusan persatuan ini adalah cekap

untuk menjalankan projek-projek urusan itu.

Bagi soalan yang kedua, inilah strategi baru kita melalui kawasan pembangunan nelayan dan mengadakan perumahan-perumahan nelayan bukanlah satu daripada usaha-usaha yang akan dijalankan oleh LKIM. Walau bagaimanapun kalau difikirkan perlu dari satu masa ke satu masa perkara ini akan dirundingkan melalui Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, adakah langkah positif Kerajaan meningkatkan sosio-ekonomi nelayan yang akan memberi keuntungan secara tidak langsung kepada nelayan-nelayan?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang Dipertua, langkah-langkahnya ialah melalui Persatuan Nelayan melibatkan diri mereka di dalam perniagaan dan perusahaan khususnya yang berasaskan perikanan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri menyebutkan satu usaha untuk meninggikan sosio-ekonomi rakyat nelayan di bawah rancangan kawasan pembangunan nelayan sedang berjalan sekarang ini. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri rancangan untuk mengadakan kawasan pembangunan nelayan ini, adakah juga sedang berjalan di negeri Kedah dan ada atau tidak rancangan untuk memasuki kawasan Kuala Kedah di bawah kawasan pembangunan nelayan ini dan apakah

bantuan-bantuan dan rancangan-rancangan yang akan diberikan di bawah kawasan pembangunan nelayan.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang Dipertua, di negeri Kedah pembangunan kawasan nelayan telah pun dipilih iaitu di Tanjung Dawai dan bukan termasuk di Kuala Kedah.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat menjelaskan bahawa betapa cekapnya MAJUIKAN ini, tetapi saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa mungkin sebahagian MAJUIKAN itu akan diswastakan. Ini bukannya melanggar dasar MAJUIKAN dan bukannya ini bermakna ketidakcekapannya?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang Dipertua, saya rasa tidak mungkin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata demikian, barangkali silap laporan. Yang akan diswastakan ialah beberapa projek, MAJUIKAN adalah badan perundangan atau

Tuan Yang Dipertua: Statutory Body.

Dato' Abdul Manan bin Othman:ialah Statutory Body.

Tuan Ismail bin Said: Dalam jawapan tadi Yang Berhormat Menteri Pertanian telah menyatakan oleh kerana MAJUIKAN ini menjalankan projek sosio-ekonomi, jadi untung ruginya tidak dapat diukur. Saya ingin tahu setakat manakah kejayaan yang dicapai secara sosio-ekonomi nelayan-nelayan setakat ini dan sama ada Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai pada hari ini; dan yang kedua, sama ada kawasan Kemaman telah dimasukkan ke dalam pembangunan nelayan ini?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Soalan yang kedua, Kemaman tidak termasuk di dalam kawasan MAJUIKAN ini (*Ketawa*).

Berhubung dengan kemajuan ini bolehlah didapati daripada laporan-laporan bahawa kita telah pun dapat merendahkan pembasmian kemiskinan dari segi nelayan-nelayan dan kita dapati bahawa memang ada kemajuan-kemajuannya yang telah dicapai di kawasan-kawasan nelayan, kalau kita melihat dari kacamata kita sendiri.

BADAN PERUNDING ISLAM

8. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Badan Perunding Islam telah menyiapkan draf peraturan-peraturan untuk membolehkan Mahkamah-mahkamah Syariah menghukum orang-orang bukan Islam yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti khalwat dan zina di bawah undang-undang Islam; jika ya, nyatakan sama ada Kerajaan bercadang melaksanakan peraturan-peraturan tersebut; jika ya, bukannya ini merupakan satu usaha untuk mengenakan undang-undang Islam ke atas orang-orang bukan Islam yang jelas adalah bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan yang menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara sekular dengan kebebasan untuk beragama.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang Dipertua, Badan Perunding Islam tidak menyiapkan sebarang draf peraturan atau undang-undang bagi membolehkan Mahkamah Syariah menghukum orang-orang bukan Islam yang melakukan kesalahan jenayah syarak kerana ianya bukanlah termasuk di dalam bidang tugas Badan Perunding Islam.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, adakah perbuatan berkhalwat dan zina ini merupakan satu perbuatan yang tidak salah di sisi agama-agama lain, selain daripada agama Islam. Kalau sekiranya salah, adakah telah ditentukan satu hukuman yang sesuai dengan ajaran agama tersebut sekiranya seseorang itu melakukan perbuatan ataupun kesalahan zina dan khalwat menurut mana-mana agama terlepas dari hukum-hukum yang dikenakan ke atas orang Islam.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang Dipertua, kedua-duanya zina dan khalwat menurut mana-mana agama pun adalah merupakan satu kesalahan. Undang-undang Pentadbiran Hukuman Syarat di negeri-negeri yang ada membolehkan hanya orang Islam sahaja dihukum menurut undang-undang itu, manakala orang-orang yang bukan Islam yang melakukan jenayah boleh dihukum di bawah mahkamah biasa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, sungguhpun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa Badan Perunding Islam tidak menyiapkan draf peraturan-peraturan tersebut oleh kerana bukan tugasnya, tetapi bukannya benar bahawa ada draf-draf yang disiapkan oleh atau cadangan-cadangan yang disiapkan Kerajaan Negeri masing-masing untuk menghukum orang-orang bukan Islam yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang Islam semacam yang ada dinyatakan oleh Menteri Besar Terengganu dalam Dewan Undangan Negeri. Adakah peraturan-peraturan ini belum dilaksanakan atau diluluskan oleh Kerajaan Negeri masing-masing untuk ditimbang, dikaji oleh Badan Perunding Islam oleh kerana tindakan

atau langkah-langkah semacam ini akan bercanggah dengan jaminan-jaminan yang ada diberi kerap kali bahawa Malaysia sebuah negara yang sekular dan bukan satu Islamic State.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang Dipertua, yang berlaku di negeri-negeri adalah urusan negeri-negeri. Urusan Badan Perunding sebagaimana yang saya telah jawab kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tempoh hari bahawa tugasnya ialah untuk memberi nasihat-nasihat kepada Kerajaan di dalam melaksanakan projek-projek yang tidak bercanggah dengan Islam.

PEMEGANG BIASISWA MARA

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan pemegang-pemegang biasiswa MARA di luar negeri yang telah gagal menyudahi ijazah atau kursus basic mereka dalam jangkamasa yang dijadualkan tetapi masih terus memegang biasiswa dan nyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bercadang mengambil berkait dengan pemegang-pemegang biasiswa seumpama itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang Dipertua, tidak ada pemegang-pemegang biasiswa MARA di luar negeri yang telah gagal menyudahi ijazah atau kursus basic mereka dalam jangkamasa yang dijadualkan, tetapi masih terus memegang biasiswa. Ini adalah selaras dengan syarat dan peraturan penganjuran pelajaran yang hanya membenarkan pemegang biasiswa mengulangi peperiksaan sekali sahaja di sepanjang jangkamasa pengajian. Jika sekiranya didapati seseorang pemegang biasiswa gagal dalam peperiksaan lebih daripada sekali

di sepanjang jangka masa pengajian tindakan memberhentikan biasiswa akan diambil.

SYARIKAT-SYARIKAT MEMATUHI DASAR EKONOMI BARU

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar masih banyak Syarikat-syarikat besar di negara kita ini yang mempunyai modal berjuta-juta ringgit belum mematuhi syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru (penyertaan Bumiputera 30 peratus). Jika sedar berapa banyakkah lagi bilangan syarikat-syarikat yang tersebut dan bagaimanakah tindakan dan langkah-langkah berkesan yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasinya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya bertanggungjawab untuk memastikan syarikat-syarikat dalam sektor pengilangan yang tertakluk di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (1975) mematuhi syarat-syarat yang dikembarkan bersama dengan lesen termasuk syarat-syarat pembahagian ekuiti berasaskan kepada matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Saya sedar bahawa masih terdapat beberapa syarikat pengilangan yang belum mempunyai penyertaan ekuiti bumiputera di paras sekurang-kurangnya 30%. Ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) syarat penyertaan ekuiti bumiputera tidak dikenakan kepada setiap syarikat pengilangan. Misalnya syarikat yang berorientasikan eksport seperti di bidang

elektronik dan tekstail adalah dibenarkan untuk dimiliki oleh warganegara asing. Dasar ini akan tetap diteruskan asalkan secara keseluruhannya sektor pengilangan mempunyai ekuiti bumiputera di paras sekurang-kurangnya 30%;

- (ii) syarikat-syarikat yang telah sedia wujud sebelum berkuatkuasa Akta Penyelarasan Perindustrian pada 1hb Mei, 1978 adalah dibenarkan untuk meneruskan struktur ekuiti yang telah sedia ujud itu. Tetapi syarikat-syarikat berkenaan disyaratkan untuk menyusun semula ekuiti mereka berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru terhadap aktiviti pembesaran yang berlaku selepas 1hb Mei, 1976; dan

- (iii) Syarikat-syarikat baru yang diluluskan selepas 1hb Mei, 1976 dan dikenakan syarat pembahagian ekuiti tetapi masih belum mematuhi. Ini disebabkan syarikat-syarikat berkenaan tidak berusaha lebih positif untuk menarik pelabur bumiputera ataupun pelaburan dalam syarikat-syarikat tersebut tidak dimanati oleh bumiputera.

Berdasarkan kepada bancian terhadap 1,732 syarikat pengilangan yang beroperasi pada 31hb Disember, 1980, bumiputera memiliki \$821 juta modal berbayar atau 16% daripada jumlah besar modal berbayar sebanyak \$5.1 bilion, bukan bumiputera memiliki 40.1% atau \$2.05 bilion dan rakyat asing memiliki 43.9% atau \$2.2 bilion. Masih terdapat sejumlah \$33.3 juta saham

yang dihaskan untuk bumiputera dalam beberapa syarikat yang belum diambil lagi.

Untuk memastikan pematuan syarat penyertaan ekuiti bumiputera, syarikat-syarikat yang memohon kemudahan-kemudahan seperti pengecualian cukai import bahan mentah, penetapan tarikh bermulanya tempoh pengecualian cukai dan perlanjutan tempoh pengecualian cukai adalah digesa terlebih dahulu mematuhi syarat ekuiti. Sementara itu, Kementerian saya sentiasa menghubungi syarikat-syarikat berkenaan untuk mendapatkan maklumbalas dari mereka. Di samping itu, Kementerian saya telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak yang ditugaskan untuk mendaftarkan semua syarikat yang belum mematuhi syarat ekuiti bumiputera serta juga mendaftarkan pelabur-pelabur bumiputera yang berkemampuan untuk membeli ekuiti berkenaan. Proses pendaftaran ini sedang dilaksanakan dan kedua-dua pihak akan dipertemukan untuk membolehkan mereka merundingkan penyertaan bumiputera tersebut. Adalah dijangkakan yang usaha-usaha Jawatankuasa Bertindak ini akan menghasilkan faedah yang lebih berkesan. Selain daripada langkah-langkah di atas, Jawatankuasa Pelabur Asing di Jabatan Perdana Menteri dan Jawatankuasa Pengeluaran Modal di Bank Negara juga bertanggungjawab dalam bidang masing-masing untuk menentukan pematuan Dasar Ekonomi Baru oleh sektor swasta.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri setakat manakah benarnya dakwaan pada satu masa tidak berapa lama dahulu bahawa terdapat banyak syarikat-syarikat besar terutamanya yang enggan mengambil eksekutif bumiputera dan juga yang

mengadakan amalan-amalan diskriminasi terhadap eksekutif bumiputera. Kalaulah benar, saya hendak bertanya apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dan setakat mana selepas daripada isu itu dibangkitkan, masalah ini telah diselesaikan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen

Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, adalah terdapat dan ada dalam kesedaran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, iaitu dakwaan yang mengatakan syarikat-syarikat besar ada enggan mengambil eksekutif bumiputera dalam syarikatnya dan dakwaan-dakwaan dan perkara-perkara ini telah pun diambil perhatian dan siasatan telah langsung dibuatkan di dalam dakwaan-dakwaan ini.

Sukalah saya menyatakan juga ada syarikat-syarikat yang besar telah pun mengambil eksekutif-eksekutif bumiputera dan ini kita telah pun menyedari hakikat ini dan berharap banyak lagi syarikat-syarikat akan mengambil eksekutif bumiputera. Tetapi suka saya mengatakan kepada Dewan yang mulia ini masih lagi buat masa sekarang ini kita kekurangan sangat eksekutif bumiputera. Maka sebab itulah berlaku seringkali "turn-over" daripada eksekutif bumiputera ini berlaku di antara satu syarikat kepada satu syarikat. Sehingga kita dapat eksekutif bumiputera yang mencukupi pada masa-masa akan datang, maka berlakulah kekurangan eksekutif bumiputera di syarikat-syarikat besar, sama juga di syarikat-syarikat kecil.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:
(Bangun).

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan!

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri bila menyebut konsep

penyertaan bumiputera ini adakah bermakna penekanan itu hanya kepada penyertaan ekuiti sahaja ataupun bersekali dengan penyertaan pengurusan (management)?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, benarlah dalam konsep ekuiti penyertaan ini sama juga di dalam kakitangan, baik pun daripada bawah hinggalah kepada eksekutif ke atas.

KEMUDAHAN ASAS PENDUDUK

11. Datuk Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bersetuju bahawa di antara kemudahan asas yang utama bagi rakyat negara ini ialah kemudahan bekalan air yang bersih, kemudahan bekalan elektrik dan kemudahan jalan serta jambatan terutama di kawasan-kawasan pendalaman di negara ini; jika ya, bolehkah beliau menjelaskan sejak Merdeka sudah berapa peratuskah kejayaan Kerajaan untuk memberikan kemudahan asas itu kepada penduduk-penduduk di negara ini jika dibandingkan di antara penduduk-penduduk bandar dengan luar bandar;
- (b) bilakah matlamat akhir bahawa seluruh negara akan mendapat bekalan air yang bersih, bekalan elektrik yang sempurna, dan jalan serta jambatan yang selesai; dan
- (c) serentak dengan pembinaan kemudahan asas itu, apakah rancangan-rancangan susulan bagi mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk-penduduk luar bandar. Jika ada, apakah langkah-langkah awal yang berkesan telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang menyedari tentang pentingnya bekalan air bersih, bekalan elektrik dan lain-lain kemudahan asas kepada semua penduduk di negara ini. Sebab itulah, seperti Yang Berhormat sendiri dapat melihatnya Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang banyak tiap-tiap tahun untuk pembangunan. Ini juga dapat dibuktikan melalui Rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun sejak Rancangan Malaya Pertama yang bermula pada tahun 1961 hingga sekarang ini, iaitu Rancangan Malaysia Keempat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kejayaan-kejayaan yang telah kita capai sekarang ini sukar hendak diukur secara perkiraan. Ini ialah kerana sifat-sifat kemudahan asas itu yang lebih memberikan kesan secara relatif kepada pembangunan keseluruhannya. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan asas itu sendiri bukan hanya dilakukan atau dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat, tetapi juga oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Sebagai contohnya, kita ambil sahaja bekalan air luar bandar di mana perkara ini masih lagi menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Pusat ada memberi peruntukan langsung untuk melaksanakan projek-projek bekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar sebagai tambahan kepada apa yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Tambah merumitkan lagi ialah boleh dikatakan kesemua projek bekalan air luar bandar merupakan sambungan kepada sistem bandar, dengan ini sukar bagi kita untuk menentukan liputan antara bandar dan luar bandar. Bukan sahaja kawasan luar bandar yang tidak mendapat bekalan air, tetapi ada juga kawasan-kawasan yang terletak di dalam sempadan bandar yang tidak

mendapat bekalan air atau lain-lain kemudahan asas, umpamanya Kampung Sungai Pencala yang terletak di dalam sempadan kawasan Bandaraya Kuala Lumpur masih belum mendapat bekalan air sepenuhnya. Selain daripada itu, walaupun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dikatakan bertanggungjawab di dalam perkara pembangunan, tidak semua program-program pembangunan dilaksanakan oleh Kementerian ini.

Sebagai gambaran sepintas lalu dapat saya nyatakan bahawa peruntukan untuk pembangunan, terutama dalam menyediakan kemudahan asas ini telah bertambah. Yang Berhormat sendiri tentu dapat melihat keadaan yang ada sekarang ini tentu jauh berbeza dengan keadaan pada masa kita mula-mula merdeka dahulu.

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Tahun 1980 dan maklumat-maklumat yang ada di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, kejayaan yang telah dicapai setakat ini seperti berikut:

Bekalan Letrik Luar Bandar:

Semenanjung Malaysia:

Tahun 1980	55%
Tahun 1985	65%

Sabah:

Tahun 1980	25%
Tahun 1985	38%

Sarawak:

Tahun 1980	20%
Tahun 1985	25%

Bekalan Air Luar Bandar:

Semenanjung Malaysia:

Tahun 1980	50%
Tahun 1985	63%

Sabah:

Tahun 1980	33%
Tahun 1985	39%

Sarawak:

Tahun 1980	30%
Tahun 1985	35%

Bagi Projek-projek Jalan pula, tidak ada perangkaan yang tepat pada masa ini. Apa yang dapat diberikan ialah jarak jauh jalan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sejak Kementerian ini diwujudkan semula pada tahun 1981.

Jalan luar bandar tahun 1981-696.9 kilometer, tahun 1982-1,750.99 kilometer. Jalan kampung tahun 1981 738.303 kilometer, tahun 1982-1,445 kilometer.

Bagi Soalan (b) dukacita di sini saya tidak dapat menyatakan matlamat akhir bila semua kemudahan-kemudahan ini akan dapat diadakan. Tetapi memadai jika saya katakan yang Kerajaan memang berhasrat memberi kemudahan-kemudahan ini ke seluruh negara dengan secepat yang mungkin tetapi kita mestilah memikirkan tentang keupayaan kewangan kita, keupayaan jentera pelaksanaan dan lain-lain faktor lagi. Selain daripada itu, pembangunan itu juga ialah satu proses yang berterusan. Kawasan-kawasan baru terus dibuka dari masa ke semasa dan sudah tentu kemudahan asas juga diperlukan. Walau bagaimanapun, mengikut projeksi secara keseluruhannya hingga akhir tahun 1990 sebanyak 80% penduduk negara ini khususnya di luar bandar akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas yang tersebut.

Bagi soalan (c) oleh kerana kemudahan-kemudahan asas sahaja tidak akan mencerminkan pembangunan yang sebenarnya maka

Kerajaan telah mengadakan rancangan-rancangan susulan seperti pembangunan kawasan bersepadu dan lain-lain program sosio-ekonomi. Bagi Kementerian ini sahaja program-program tersebut dilaksanakan di bawah agensi-agensinya yang terdiri dari MARA, KEMAS, Jabatan Pembangunan Koperasi, Bahagian Industri Kampung dan juga Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang melaksanakan projek-projek usahaniaga, latihan pengurusan dan perniagaan, latihan teknik dan pemberian biasiswa untuk mendapatkan keahlian di bidang-bidang yang tertentu, mengadakan tempat-tempat perniagaan, mengadakan latihan kepada penduduk-penduduk kampung untuk mempertingkatkan lagi pendapatan keluarga dan penubuhan koperasi-koperasi pembangunan di peringkat kampung, daerah, negeri dan juga negara. Apa yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah sebagai tambahan kepada program-program dan projek-projek yang dirancang atau dilaksanakan oleh lain-lain Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sukacita saya bertanya kepada Setiausaha Parlimen mengenai perkara kesulitan-kesulitan air yang dialami oleh rakyat Malaysia. Sebagaimana apa yang diterangkan oleh Setiausaha Parlimen tadi satu daripadanya sebab Kerajaan tidak boleh melaksanakan dengan secara cepat disebabkan kerana kewangan dan sebagainya. Kemerusutan kewangan yang kita tahu bahawasanya meleset ekonomi Malaysia menyebabkan meleset ekonomi dunia ialah baru beberapa bulan sahaja, sedangkan kita mencapai kemerdekaan sudah 25 tahun. Maknanya selama ini kita duit ada dan kemampuan ada. Maka setakat ini saya ingin tahu, adakah pihak

Kerajaan menjadi satu kesulitan itu bergantung kepada kewangan sahaja. Ataupun bergantung kepada tempat-tempat hendak diambilnya air seperti gunung, bukit ataupun sungai dan adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu projek untuk proses air-air laut supaya jadikan tawar sekiranya kesulitan untuk mendapat air daripada sungai ataupun bumi.

Tuan Mohd. Tajol bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang Dipertua, bagi soalan yang kedua itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan projek menawarkan air laut oleh kerana negara kita banyak mempunyai sumber-sumber air, tetapi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kesulitan mendapatkan bekalan air yang secukupnya dan juga kesulitan kewangan itu memanglah tepat kerana selain daripada kita hendak memberi kemudahan asas kepada penduduk-penduduk kita yang ada di kawasan-kawasan luar bandar, satu lagi matlamat Kerajaan ialah memberikan pelajaran kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Kalau kita kaji selepas kita mencapai kemerdekaan, kalau dahulu kita hanya ada satu universiti di Singapura tetapi selepas kemerdekaan kita ada 5 buah universiti. Kita mengadakan banyak sekali sekolah-sekolah menengah di kawasan-kawasan luar bandar dan hari ini pelajaran merupakan satu perkara yang telah dapat kita sebarkan menyeluruh keseluruh negara kita ini dan pada masa itu kemungkinan Kerajaan memberikan juga perhatian kepada perbekalan air luar bandar, bekalan elektrik dan juga jalan luar bandar tetapi kemungkinan pada masa itu penekanan ialah kepada pelajaran anak-anak yang ada di luar bandar. Hari ini apabila Kerajaan hendak memberikan penumpuan, penekanan kepada bekalan air, elektrik dan juga

jalan, maka keadaan ekonomi negara kita meleset tetapi insya-Allah jikalau keadaan ekonomi negara kita ini pulih sediakala dan pembangunan dapat kita laksanakan dengan lebih pesat lagi, bekalan air, jalan dan juga elektrik luar bandar ini akan dipercepatkan lagi.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 12 hingga 15 adalah diberi di bawah ini).

PENJAMIN PELAJAR MASUK KE UNIVERSITI JEPUN

6. Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah universiti-universiti Jepun mengenakan peraturan "penjamin" ke atas pelajar-pelajar asing termasuk pelajar Malaysia dan ini telah menyusahkan pelajar-pelajar kita yang memasuki universiti-universiti di sana.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Syarat-syarat dan peraturan penjamin yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah benar dan ini dikenakan oleh kerana ianya adalah satu dasar Kerajaan Jepun; dengan matlamat supaya pelajar-pelajar asing yang berada di institusi pengajian tinggi di negeri Jepun tidak akan menghadapi masalah atau gangguan pelajaran masing-masing.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—CARUMAN

12. Wan Ibrahim Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau bercadang bilamana hendak mengembalikan wang caruman KWSP bagi pencarum-pencarum yang beragama Islam yang meninggal dunia

mengikut hukum Syara dan tidak mengikut borang penama, jika ada bilakah akan dilaksanakan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Sistem penama yang sedang dilaksanakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah bertujuan untuk membolehkan waris-warisi si mati menerima bayaran wang simpanan si mati dengan segera, Namun begitu, sistem penama ini boleh disesuaikan dengan kehendak-kehendak Hukum Faraid dengan cara mewajibkan penama tersebut membahagi-bahagikan wang simpanan si mati kepada waris-warisi lain yang berhak mengikut Hukum Faraid. Langkah-langkah ke arah ini sedang dikaji oleh KWSP agar pencarum yang beragama Islam mengikut sepenuhnya Hukum Faraid.

BEKALAN LETRIK DI KINTA

13. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa kampung tradisional dan tersusun di kawasan Kinta telah mengemukakan permohonan bagi bekalan elektrik untuk sekian tahun lamanya; bilakah permohonan-permohonan itu akan diluluskan untuk pelaksanaan supaya penduduk-penduduk berkenaan dapat mengecapi nikmat kemudahan asas ini.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Kerajaan sememangnya sedar mengenai permohonan-permohonan bagi bekalan elektrik untuk kampung tradisi dan kampung tersusun di seluruh negara termasuk juga Daerah Kinta, Negeri Perak.

Sukacita dijelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kinta bahawa sehingga tahun 1983 kedudukan

bekalan elektrik di Daerah berkenaan adalah seperti berikut:

	<i>Bil. Kg.</i>	<i>Bilangan mendapat bekalan elektrik</i>	<i>bilangan belum mendapat bekalan</i>
(a) Kampung tradisi	60	39 (65%)	21 (35)
(b) Kampung tersusun	60	29 (48.33%)	31 (51.66%)

Ini bererti sebanyak 81,869 buah rumah kediaman telah pun mendapat bekalan elektrik dari sejumlah 95,172 rumah kediaman di Daerah berkenaan.

Adalah dijangkakan keseluruhan kawasan Kinta akan mendapat bekalan elektrik sepenuhnya menjelang tahun 1987 iaitu di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Keadaan ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain yang dijangka akan mendapat bekalan sepenuhnya menjelang tahun 2000. Sungguhpun begitu kepesatan pelaksanaan projek-projek ini bergantung kepada beberapa faktor. Yang paling utama adalah sumber kewangan negara.

MUTU PELAJARAN DI NEGERI SABAH

14. Tuan Newman Gaban minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebabnya mutu pelajaran di Negeri Sabah sangat rendah jikalau dibandingkan dengan Negeri-negeri yang lain.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bagi makluman Yang Berhormat, cara Kementerian Pelajaran menilai mutu pelajaran bukan melalui keputusan peperiksaan sahaja. Laporan-laporan yang berhubung dengan aspek-aspek yang lain seperti pendidikan rohani dan jasmani dari Pegawai-pegawai Pelajaran di peringkat sekolah, Jabatan dan Kementerian juga diambil

kira. Mengikut penilaian secara ini pada keseluruhannya, mutu pelajaran di Negeri Sabah didapati bertambah maju maka adalah tidak benar untuk menyatakan mutu pelajaran di Negeri Sabah sangat rendah.

Dari segi peratus kelulusan peperiksaan pula, sekolah-sekolah di Sabah telah pun menunjukkan kemajuan dari setahun ke setahun dalam semua peperiksaan seperti yang tercatat di bawah ini.

<i>Peperiksaan</i>	<i>Tahun</i>	<i>Peratus</i>
Penilaian Darjah 5	1980	18.4
	1981	17.73
	1982	18.9
S.R.P. ..	1980	43.1
	1981	46.6
	1982	49.8
S.P.M. ..	1980	43.61
	1981	49.7
	1982	46.4
S.T.P. ..	1980	27.8
	1981	32.0
	1982 (Sijil Terbuka)	94.7

Dalam peperiksaan S.P.M. bagi tahun 1982, peratus kelulusan ialah 46.4. Ini adalah menurun sedikit daripada peratus kelulusan peperiksaan S.P.M. bagi tahun 1981. Peratus kelulusan S.P.M. bagi tahun 1981 ialah 49.7. Walau bagaimanapun, keadaan yang serupa juga berlaku di negeri-negeri lain.

MAJLIS KEBUDAYAAN— KELULUSAN

15. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar terdapat beberapa upacara yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu khasnya penganjur-penganjur persendirian tetapi upacara tersebut disambut di peringkat negeri dan negara

adalah bertentangan dengan nilai-nilai dan keperluan Kebudayaan Nasional dan juga bertentangan dengan hasrat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam sejajar dengan tuntutan Kebudayaan negara contoh seperti Pertandingan "Ratu Cantik". Majlis-majlis dansa dan pertandingan-pertandingan dansa;

- (b) jika sedar, apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang Kementerian bersama-sama dengan pihak-pihak lain yang terlibat untuk memastikan perkara-perkara yang bertentangan dengan cita-cita amalan Kebudayaan Nasional ini dapatlah sekurang-kurangnya dikurangkan kegiatannya; dan
- (c) adakah Kementerian akan mengenakan syarat untuk mendapatkan kelulusan Kementerian terlebih dahulu sekiranya majlis-majlis kebudayaan di peringkat Negeri dan Negara hendak diadakan, khasnya yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan persendirian.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):

- (a) Memang disedari berlakunya acara-acara seperti itu di bawah tajaan kumpulan-kumpulan atau penganjur-penganjur persendirian. Akan tetapi acara-acara seperti itu adalah di luar bidang pentadbiran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri tidak pernah dirujukkan terlebih dahulu. Dalam hal ini, ia hanya memerlukan kelulusan daripada pihak polis dan pihak berkuasa

tempatan, mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah bidang kuasa masing-masing.

- (b) Bagi mengatasi gejala-gejala tersebut Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mempergiatkan lagi langkah-langkah dasar kebudayaan kebangsaan, mempertingkatkan usaha pendidikan dan kesedaran kebudayaan, menyediakan garis-garis panduan serta berusaha mendapatkan kerjasama daripada semua pihak berkuasa melalui jawatankuasa-jawatankuasa bersama antara agensi atau seumpamanya. Yang penting dalam masalah ini ialah memberikan kesedaran kepada seluruh rakyat tentang pentingnya mempertahankan dan mengutamakan nilai-nilai tradisional yang lohor dalam apa juga kegiatan atau perayaan yang hendak diadakan.
- (c) Majlis-majlis tari menari atau persembahan-persembahan kebudayaan yang diadakan itu tidak perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada pada agensi-agensi lain itu sudah mencukupi.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERTUBUHAN MESYUARAT 18

PUSAT SERENTI TAMPIN

3.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):
Tuan Yang Dipertua, saya bangun di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18
(2) supaya mencadang Majlis

Mesyuarat ditangguhkan untuk merunding satu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu walaupun jaminan-jaminan telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta pegawai-pegawai tertinggi dadah kepada saya dan kepada negara bahawa keadaan "reign of terror" yang wujud di Pusat Serenti Tampin akan diperbetulkan ekoran pendedahan-pendedahan yang dibuat dalam bulan Jun/Julai ini mengenai kekerasan dan layanan ketidakperikemanusiaan yang diberi kepada penghuni-penghuni Pusat Serenti Tampin sehingga penghuni-penghuni sanggup menelan serpihan-serpihan kaca dan paku-paku berkarat semata-mata supaya mereka tidak akan dihantar balik ke Pusat Serenti Tampin yang bersifat "neraka di atas muka bumi".

Namun kekerasan dan layanan ketidakperikemanusiaan masih berterusan di pusat tersebut seperti digambarkan baru-baru ini oleh kes seorang penjual ikan dari Seremban, Wong Ah Wah, berumur 40 tahun, yang telah secara sukarela memilih untuk dipulihkan di Pusat Serenti Tampin dan disebabkan kekerasan dan layanan ketidakperikemanusiaan yang diberikan kepadanya, beliau terpaksa dikejarkan ke Hospital Besar Seremban pada 8hb November ini dalam keadaan tidak sedarkan diri dan selepas menjalani satu pembedahan otak, beliau kini hidup dengan bantuan "life-supporting equipment". Dan bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan kerana Kerajaan telah memungkirkan janjinya dan demi kepentingan ibu bapa-ibu bapa dan penghuni-penghuni, satu penyiasatan hendaklah diadakan di dalam kes Wong Ah Wah ini serta pusat tersebut hendaklah dibuka untuk pemeriksaan awam kerana kita tidaklah boleh membiarkan keadaan

semacam ini berterusan di mana penagih-penagih dadah bukan dipulihkan tetapi sebaliknya seolah-olah dijatuhkan hukuman mati.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi tahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pada pagi ini saya telah menerima satu pemberitahu di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Kota Melaka berkenaan dengan Pusat Serenti Tampin khasnya berkenaan dengan kes seorang penghuni yang bernama Wong Ah Wah.

Ahli-ahli Yang terhormat telah mendengar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan perkara ini. Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan itu dan saya dapati bahawa tidak perlu disegerakan perkara ini sehingga ditangguhkan Mesyuarat hari ini kerana jika kecederaan seperti yang dikatakan yang berlaku itu kepada orang yang bersangkutan begitu teruk yang melibatkan otaknya, maka biarlah pihak polis mengambil tindakan yang perlu sebagai tugas mereka di bawah Kanun Acara Jenayah (Criminal Procedure Code) kerana memandangkan perkara ini baru berlaku iaitu pada 8hb November yang lepas. Oleh itu, saya menolak Usul ini. *(Tepuk)*

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat
dibacakan bagi menyambung semula

pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. (Hari Keempat).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 16, B. 17 dan B. 18 (Jadual)—

Maksud P. 16 dan P. 18 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, sila teruskan. Dia tidak hadir. Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh.

3.41 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Belanjawan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan terutamanya saya ingin menarik perhatian kepada muka surat 127 Maksud Bekalan 16, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Program (3) Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada bilangan jawatan dan perbandingan bilangan jawatan tahun 1983 dan 1984 nyata kepada kita bahawa pada tahun hadapan Bahagian Kerajaan Tempatan ini dikurangkan sebanyak 7 perjawatan. Kerajaan tidak seharusnya ataupun tidak sepatutnya mengurangkan bilangan kakitangan yang mengendalikan Kerajaan-kerajaan Tempatan ini kerana Kerajaan-kerajaan Tempatan pada masa ini mempunyai program-program pembangunan yang semakin bertambah dan menjadi semakin kompleks di mana sebahagian besar program-program pembangunan itu memerlukan tindakan-tindakan segera

bagi memenuhi kehendak dan hasrat orang ramai, di samping memberikan perkhidmatan yang baik dan pengurusan yang licin sesuai dengan slogan Bersih, Cekap dan Amanah Kerajaan.

Di dalam memberikan perkhidmatan yang baik dan berkesan kepada orang ramai, Kerajaan-kerajaan Tempatan hendaklah pandai, hendaklah bijak memilih dan menentukan projek-projek pembangunannya. Projek-projek pembangunan yang mengutamakan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan kesihatan rakyat hendaklah diberikan keutamaan. Dalam hal ini saya berpendapat Kerajaan-kerajaan Tempatan hendaklah mengutamakan kepada program-program seperti membersihkan longkang, program-program menebas rumput rampai di kiri di kanan jalan, di bidai-bidai longkang, mengangkut sampah dan yang seumpamanya.

Kerajaan-kerajaan Tempatan tidak seharusnya mengutamakan projek-projek yang berbentuk mewah, ataupun, dengan izin, projek-projek yang berbentuk prestige seperti membina kolam-kolam renang, membeli peralatan-peralatan kerja yang jarang-jarang digunakan, membuat taman-taman rekreasi dan yang seumpamanya, dengan hanya memberikan perhatian sambil lewa dan sekali sekala kepada program-program asas yang sepatutnya dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan ini pada tiap-tiap hari ataupun routine work, dengan izin. Jika sekiranya keadaan ini tidak diambil berat oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan, saya yakin, Kerajaan-kerajaan Tempatan akan menghadapi kesulitan dari segi pemungutan cukai daripada rakyat.

Berhubung dengan perkara itu sukalah saya mencadangkan di sini supaya tiap-tiap Kerajaan Tempatan

hendaklah diletakkan kakitangan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai penasihat dan pengawas agar pelaksanaan program-program Kerajaan Tempatan itu dilaksanakan mengikut keutamaan yang penting itu didahulukan, kemudian yang kurang penting itu dikemudiankan, kemudian yang tidak penting langsung tidak usah dibuat. Dan sehubungan dengan itu, maka suka saya mencadangkan di sini supaya bilangan jawatan yang dikurangkan itu ditambah.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada muka surat 134 dan 135 Butiran 2, tajuk Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan Nampak gayanya pada tahun 1984, bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan ini hanya diberikan sebanyak \$10, itu pun saya rasa secara vote.

Tuan Pengerusi, bukan semua Kerajaan-kerajaan Tempatan ini ada duit, atau pun mewah. Ada Kerajaan-kerajaan Tempatan atau pun Majlis-majlis Daerah yang miskin, yang daif dan tidak berupaya untuk memberikan perkhidmatannya yang wajar, yang baik kepada masyarakat setempat. Jadi, sekiranya bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan ini tidak diberikan, maka ianya akan menambah sulitkan lagi Kerajaan-kerajaan Tempatan yang miskin, yang daif dan tidak berupaya ini. Contohnya, Tuan Pengerusi, saya ambil Majlis Daerah Mersing sendiri. Bulan lepas, Majlis Daerah Mersing mengalami suatu peristiwa yang dianggap bersejarah. Sebelum ini peristiwa tersebut tidak pernah dialaminya dan sebelum ini juga di Majlis-majlis Daerah lain juga belum pernah mengalami peristiwa ini, iaitu pihak Lembaga Letrik Negara telah memotong api-api jalan di kawasan Majlis Daerah Mersing itu sendiri, kerana Majlis Daerah Mersing tidak berupaya untuk menjelaskan hutang ataupun Bil Letrik kepada LLN

sebanyak lebih kurang \$62 ribu. Jadi, di atas hutang yang sebanyak itu maka LLN ataupun Lembaga Letrik Negara tidak membekalkan api jalan kepada Majlis Daerah Mersing.

Dan oleh kerana kemiskinan Majlis Daerah ini, saya yakin dan percaya, jika sekiranya tidak diberikan bantuan oleh Kerajaan Pusat ataupun oleh Kerajaan Negeri, maka sampai bila-bila pun api jalan di bandar Mersing itu tidak akan dibekalkan semula oleh pihak Lembaga Letrik Negara selagi hutang yang sejumlah lebih kurang \$62 ribu itu belum dijelaskan.

Implikasi kepada keadaan gelap di Mersing sejak sebulan yang lalu, berlakulah beberapa peristiwa yang saya anggap pahit, suatu rompakkan telah berlaku di mana seorang tuan punya kedai telah kehilangan lebih kurang \$80 ribu, kemudian kecurian di kawasan-kawasan perumahan dan juga di kawasan-kawasan bandar semakin menjadi-jadi. Terdapat suatu kes bergaduh sehingga hampir berpunya pembunuhan dan aktiviti-aktiviti penyalahgunaan dadah semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini.

Jadi, oleh kerana perkara tersebut saya anggap serius, dan jika sekiranya perkara ini tidak dipertitikberatkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bagi memberikan bantuan bagi menjelaskan Bil Letrik tersebut, saya yakin dan percaya bahawa perilaku-perilaku jenayah seperti yang saya sebutkan tadi akan lebih menjadi-jadi pada masa-masa yang akan datang, dan ianya akan menyulitkan pentadbiran Kerajaan Tempatan itu sendiri khasnya dan juga pentadbiran begi keseluruhan Daerah Mersing itu sendiri secara am dan secara tidak langsung akan melibatkan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jadi saya mencadangkan di sini supaya bantuan khas kepada penguasa-penguasa tempatan bagi

tahun 1984 itu dapat diberikan sekurang-kurangnya, yang paling kurang dapatlah bantuan itu bagi menjelaskan bil letrik Majlis Daerah Mersing kepada Lembaga Letrik Negara pun jadilah.

Saya beralih kepada muka surat 135 Butiran 15, Tajuk, Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Saya bersetuju dengan pendapat yang diberikan oleh wakil daripada Jerantut dan wakil daripada Padang Rengas yang menyatakan bahawa pembinaan Rumah Awam Kos Rendah sudah tidak sesuai lagi pada masa ini dari sudut keluasan rumah tersebut. Saya pernah tinggal di dalam rumah awam kos rendah dan saya kira luas dan lebar rumah awam kos rendah itu ialah 22 kaki lebar dan panjang lebih kurang 34 kaki dan mempunyai dua bilik tidur, satu ruang tamu dan satu dapur. Jadi keadaan ini, keadaan seluas 22'x34' memang tidak sesuai, memang dianggap kecil oleh pemilik-pemilik pada masa ini.

Kalau kita perhatikan mereka yang dapat rumah kos rendah apabila mereka mula masuk sahaja ke rumah mereka, pemilik itu mula memikirkan bagaimana dan cara mana untuk mencari duit bagi membuat tambahan dapur, tambahan kepada bilik tidur, agar keadaan rumah awam kos rendah itu menjadi lebih selesa lagi bagi kehidupan keluarga mereka secara sedikit-sedikit ataupun sederhana. Jadi pada masa hadapan sukalah saya mencadangkan agar Kerajaan apabila hendak mengadakan rancangan perumahan awam kos rendah biarlah rumah tersebut dibesarkan sedikit, tak usah buat hanya dua bilik, biarlah tiga bilik, harganya pun kalau dinaikkan sedikit, saya rasa rakyat tidak akan menjerit, rakyat akan bersetuju kerana apabila mereka masuk ke dalam rumah mereka, mereka sudah tidak payah lagi memikirkan dari segi bagaimana dan cara mana untuk

mencari modal bagi membuat tambahan depan dan belakang rumah tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Maksud B. 17, muka surat 142, Butiran 1100 Gaji dan Upahan, Program (1), (2), (3) dan (4), saya sekaligus. Berkaitan dengan perkara ini, Tuan Pengerusi, saya dapati Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Pejabat-pejabat Tanah. daerah tidak selaras dari sudut bidang tugas masing-masing dan wujud percanggahan tugas di antara kedua jabatan yang saya sebutkan itu tadi. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Pejabat-pejabat tanah. Perkara ini saya contohkan dengan memberikan satu contoh, misalnya satu kawasan Majlis Tempatan ataupun Majlis Daerah di mana lease tanah di kawasan tersebut telah mati. Penduduk ataupun penghuni-penghuni di atas tanah itu mengemukakan permohonan membaharu lease tanah mereka akepada Pejabat Tanah. Jadi apabila Pejabat Tanah menerima permohonan daripada pemohon-pemohon di situ, Pejabat Tanah mulakan tindakan memproses permohonan-permohonan tersebut dan Pejabat Tanah membuat satu pelan "lay out" bagi kelulusan permohonan lease yang baru.

Apabila pelan itu telah pun siap di peringkat Pejabat Daerah dan diserahkan kepada Majlis Daerah untuk diputuskan sama ada ia diluluskan ataupun ditolak, Majlis Daerah membuat keputusan untuk menerimanya dan setelah diterima oleh Majlis Daerah barulah pelan lay out itu dihantarkan ke Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Di sana semakan dibuat oleh jabatan yang berkenaan dan akhirnya jabatan itu kadangkala membuat keputusan yang bercanggah dengan keputusan yang dibuat oleh Pejabat Tanah dan juga keputusan yang dibuat oleh Majlis Daerah. Jadi sekarang sudah wujud

komplikasi di antara dua pelan lay out berkenaan iaitu pertama pelan lay-out yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan satu lagi satu pelan lay out yang disediakan dan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Apabila di teliti dan dikaji nyata kepada kita apa yang diterima oleh Pejabat Tanah dan diterima oleh Majlis Daerah adalah berdasarkan kepada keadaan tanah yang sebenar.

Sebaliknya, apa yang dibuat oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa itu satu perancangan yang dibuat di atas meja tanpa mengambil kira keadaan tanah di mana pelan lay out itu hendak dibuat. Jadi wujud komplikasi dan percanggahan di antara kedua-dua jabatan ini menyebabkan kesulitan dan kesukaran kepada orang ramai.

Jadi oleh itu, Tuan Pengerusi, sukalah saya mencadangkan di sini agar kedua-dua jabatan berkenaan itu pada masa akan datang mewujudkan satu suasana penyelarasan tugas yang baik dan harmoni bagi kepentingan, keselesaan dan kemudahan orang ramai.

Sekian, Tuan Pengerusi, akhir sekali saya menyokong Maksud Bekalan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 1984.

3.57 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk mencadangkan bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud B 16 butiran Kod 1100 Gaji dan Upahan, Program (1) Perkhidmatan Bantuan (a) Pentadbiran dan Kewangan, diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10.00 berkaitan dengan gaji Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya membuat cadangan tersebut untuk mengutuk (censure) Yang Berhormat Menteri

kerana kegagalan mencegah pelaksanaan dasar pengiklanan satu bahasa, satu budaya berbagai majlis perbandaran dan daerah. Hanya beberapa hari lalu Majlis Daerah Alor Setar telah menyatakan dengan tegasnya bahawa ia tidak akan berkompromise atau bertolak ansur dalam peraturan-peraturan pengiklanan yang menjejaskan dengan teruknya penggunaan bahasa Cina di papan-papan tanda dan iklan-iklan dan akibat dari itu beberapa peniaga Cina terpaksa menurunkan papan-papan tanda dan pengiklanan-pengiklanan mereka untuk menunjukkan bantahan mereka.

Di Melaka pun, Majlis Perbandaran Melaka Tengah sedang melaksanakan langkah kedua dasar papan tanda dan pengiklanan satu bahasa, satu budaya dengan menghukumkan penggunaan bahasa Cina dan lain-lain dalam papan-papan tanda, tanda-tanda perniagaan dan pengiklanan-pengiklanan dengan mengenakan yuran pengiklanan 18 kali ganda ke atas papan-papan tanda, tanda perniagaan dan pengiklan lama yang tidak pernah dikehendaki dibayar yuran-yuran pengiklanan baginya. Apabila Majlis Perbandaran Melaka Tengah melaksanakan langkah pertama dasar papan tanda dan pengiklanan satu bahasa, satu budaya dalam bulan Mac, tahun ini (1983) dengan meninggikan yuran pengiklanan sebanyak 6 (enam) kali ganda.

Pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Majlis Perbandaran MCA Melaka telah memberi jaminan kepada peniaga-peniaga bahawa papan tanda-papan tanda dan pengiklanan-pengiklanan lama yang tidak dikenakan bayaran dahulu akan tetap dikecualikan. Akan tetapi enam bulan kemudian pemilik-pemilik papan tanda-papan tanda dan pengiklanan-pengiklanan lama tersebut yang di antaranya ada yang telah wujud

selama 15 atau 100 tahun diberitahu bahawa mereka dikehendaki membayar tiga kali ganda lagi atau sejumlah tambahan sebanyak 18 kali sebelum peraturan baru papan tanda dilaksanakan. Keadaan yang serupa telah berlaku di Alor Setar dan di bandar-bandar lain kerana hampir semua Majlis Daerah dan

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu, Ahli Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat atau minta jalan?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dahulu. Ahli Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Apakah mengikut pendapat Yang Berhormat yang berkenaan bahawa tindakan-tindakan yang seumpama itu yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Melaka Tengah dan Alor Setar sepertimana yang disebutkan tadi adalah merupakan tindakan-tindakan yang wajar memandangkan bahawa papan tanda-papan tanda yang ada itu adalah merupakan papan tanda yang sudah lama, yang sudah buruk, yang sudah robek, yang menampakkan kehodohan Kota Melaka lebih-lebih lagi menentukan Bahasa Kebangsaan di iklan itu adalah merupakan Bahasa Kebangsaan yang diterima oleh seluruh rakyat di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tidak pernah pergi ke Melaka nampaknya. Tidak tahu apa masalah. Masalah bukan lama atau buruk. Kalau lama ada nilai bersejarah (historic) dan patutlah dikekalkan dan masalah mengenai patut tidak patut dari segi

penggunaan bahasa sabarlah dan dengar apa yang saya akan cakap sungguhpun saya percayalah bahawa Yang Berhormat tadi menggambarkan pandangan-pandangan Ahli-ahli MCA dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat minta penjelasan atau tertib Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat berapa Ahli Yang Berhormat? Peraturan berapa, Ahli Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Peraturan Mesyuarat 36 (2) iaitu tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah dan saya ingin mendapatkan ruling daripada Tuan Pengerusi oleh sebab satu kes telah pun dimasukkan di mahkamah berkenaan dengan papan tanda di Majlis Perbandaran Alor Setar ataupun Kota Setar. Adakah perkara ini boleh dibawa perbincangan dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Lim Kit Siang: Saya sebut Alor Setar sebagai satu example. Ada lain-lain example seperti Melaka Tengah ada kes dalam Melaka Tengah. Bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi: Peraturan Mesyuarat dibangkitkan, saya terpaksa memberi satu keputusan sekiranya Ahli Yang Berhormat membawa ucapan membawa perkara papan tanda di Kota Melaka secara umum maka Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh teruskan.

Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Yang saya maksudkan Alor Setar bukan Kota Melaka, oleh sebab ada kes berkenaan dengan papan tanda ini. Saya harap Tuan Pengerusi dapat buat ruling sama ada boleh disentuh atau tidak

berkenaan dengan papan tanda yang dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Kota Setar. Itu ruling yang saya minta daripada Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya memberi satu pandangan mengenai Alor Setar specific bukan lain-lain tempat. Mengenai perkara Alor Setar pun saya rasa boleh dikemukakan, kalau apa dikemukakan bukan sama ada papan tanda itu sah tidak sah. Itulah apa yang akan diputuskan oleh mahkamah. Sah tidak sah dari segi undang-undang tetapi kalau kita timbulkan perkara ini sama ada Menteri sudah bijaksana, sudah menjalankan tugasnya atau tidak menjalankan tugasnya sehingga membenarkan keadaan semacam itu berlaku, itu lain hal, tidak bersangkutan dengan perkara sah tidak sah yang akan menjadi satu perkara dalam mahkamah. Itu lain hal, itu ialah apa yang kita sebut tanggungjawab politik, bukan legality. Ruling terserah kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan 36 telah dibangkitkan dalam mana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah membantah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah membawa satu perkara yang pada pendapatnya mungkin dalam pertimbangan mahkamah.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membawa satu huraian yang pada pendapatnya diambil pendekatan dari segi politik dan pentadbiran tidak akan menyentuh perkara yang dalam perbicaraan berkenaan dengan kes di Alor Setar. Pendapat saya, keputusan saya ialah Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh meneruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, keadaan yang serupa ada di Kota Melaka ada pun ada di bandar-bandar lain, kerana hampir semua

Majlis Daerah dan Perbandaran termasuk Majlis Perbandaraan Seremban telah meluluskan undang-undang kecil yang sama seperti di Melaka. Tafsiran pengiklanan adalah begitu luas sehingga ia meliputi segala tanda yang memaparkan gambar atau perkataan yang dilihat oleh orang ramai baik pun di dalam atau di luar sesebuah rumah. Ini bermakna dalam langkah ketiga pelaksanaan dasar pengiklanan satu bahasa, satu budaya, segala perkataan yang digunakan di dalam rumah-rumah, kedai dan kediaman-kediaman akan dikehendaki kurang prominent dari Bahasa Malaysia atau membayar bayaran pengiklanan 18 kali ganda.

Apa yang memeranjatkan ialah semasa dasar pengiklanan satu bahasa, satu budaya dilaksanakan sejak 18 bulan yang lalu ini, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab secara langsung ke atas portfolio tersebut telah menunjukkan sikap acuh tak acuh dan tidak membuat apa-apa pun untuk mencegah dan berhentikan pelaksanaan undang-undang kecil satu bahasa, satu budaya berbagai Majlis Perbandaran dan Daerah. Beliau telah tidak membuat apa-apa pun untuk hentikan pihak berkuasa tempatan daripada menafsirkan mana-mana firma-firma Cina sebagai satu pengiklanan dan ini adalah amat mustahil, kerana nama firma-firma perniagaan adalah bertujuan untuk diidentifikasikan dan bukan untuk tujuan pengiklanan. Kalau kita mengikut tafsiran ini rumah-rumah kediaman yang mempunyai nama-nama persendirian juga yang akan dikenakan membayar yuran pengiklanan.

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sepatutnya menggunakan kedudukan Menterinya untuk mengawal atau, dengan izin, rein ini semua Majlis Perbandaran dan Daerah supaya

mereka menghormati sensitivity berbagai kaum akan bahasa mereka sendiri, terutama sekali selepas peristiwa Setapak di Kuala Lumpur di mana papan tanda-papan tanda Cina diturunkan serta dipijak oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya. Juga disebabkan beliau adalah pemimpin MCA, beliau patut seharusnya menyedari bahawa pelaksanaan dasar pengiklanan satu bahasa, satu budaya boleh dilaksanakan menerusi dua peringkat.

Pertama, dengan mengharamkan atau menyekat penggunaan bahasa Cina dan bahasa-bahasa lain, selain daripada Bahasa Malaysia. Kedua, dengan mengenakan yuran-yuran pengiklanan yang bersifat punitive kerana penggunaan bahasa Cina dan lain-lain bahasa semata-mata untuk tidak menggalakkan penggunaan bahasa-bahasa tersebut. Tidak hairanlah mengapa sebuah akhbar harian Bahasa Malaysia telah membuat satu cadangan yang mengesyorkan supaya amalan yang dilakukan di Thailand yang mengenakan bayaran 10 kali ganda dari kadar pengiklan-pengiklan biasa bagi penggunaan bahasa Cina dan lain-lain bahasa selain daripada bahasa Thai di papan tanda ditirui di sini. Selanjutnya Majlis-majlis Daerah di Johor telah tidak mengindahkan semua sekali hak Perlembagaan rakyat Malaysia dengan mengenakan satu kehendak yang memerlukan penggunaan secara wajib bahasa Jawi dalam papan tanda. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sepatutnya menjalankan tugasnya untuk memastikan bahawa pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang menerima pemberian-pemberian pelancaran dan lain-lain dari Kerajaan Persekutuan tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak berperlembagaan serta salah dari undang-undang dan juga mencabuli Rukunegara. Saya bersedia menarik balik usul ini sekiranya

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, penjelasan atau Tertib Mesyuarat?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:
Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat pandangan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:
Peraturan 36 (10) (b) dan (c). Kerana pada hemat saya beliau tembak ke Melaka tetapi peluru sesatnya ke Seremban iaitu (a) perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan. (b) perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan. Kerana pada hemat saya Bahasa Kebangsaan yang menjadi bahasa rasmi negara di mana ditentukan di papan tanda sebagaimana diambil tindakan oleh Majlis Perbandaran Melaka Tengah itu adalah wajar dan mempunyai hubungan yang rapat sekali dengan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang diterima oleh semua.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (10) (b) telah dibangkitkan dan telah dibaca oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Dalam pertimbangan saya bantahan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang beralaskan Peraturan Mesyuarat 36 (10) (b) dan (c) masih belum boleh dikenakan lagi dalam perjalanan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang Berhormat minta teruskan!

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat itu menyebutkan perkara pilihanraya kecil di Seremban, bukan saya. Sebenarnya itu tujuannya. Ahli-ahli Yang Berhormat MCA takut bercakap dan panggil rakan-rakan dalam UMNO untuk membantah, untuk menghalang ucapan saya ini.

Dato Lee Kim Sai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan?

Dato Lee Kim Sai: Minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Pengerusi, bolehkah saya minta penjelasan? By-law mana satu, dari mana-mana satu Majlis Daerah atau Bandaran yang telah diluluskan dan sedang dilaksanakan untuk menghalang bahasa-bahasa lain, khususnya bahasa Cina digunakan di papan tanda seluruh Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau menjadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjadi Ketua Pemuda MCA pun tidak tahu, lebih baik letak jawatan. Semuanya ada di sini. Bukan menghalang tetapi restriction untuk mengenakan yuran-yuran yang tinggi punitive bayaran yang secara tidak langsung (*indirectly restrict*) penggunaan bahasa Cina dan lain-lain yang sepatutnya ada dijamin dalam Perlembagaan. Di sini kita ada seorang Ketua Pemuda MCA yang bertanya, mana, mana, tidak tahu, tidur, 12 bulan tidur

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila arahkan ucapan Yang Berhormat kepada Tuan Yang Dipertua.

Dato Lee Kim Sai: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, boleh.

Dato Lee Kim Sai: Bukan Ketua Pemuda MCA tidak tahu, cuma saya minta penjelasan. Kalau wakil dari Kota Melaka tidak tahu, saya ingin memberi penjelasan. Kerana wakil dari Kota Melaka itu menyebutkan dasar satu bahasa, satu budaya, yang dimaksudkan oleh beliau bahawa satu bahasa, iaitu Bahasa Malaysia sahaja, yang digunakan tetapi bahasa-bahasa lain akan dihapuskan, di mana beliau telah banyak kali bercakap dalam kawasan Seremban yang sedang menjalankan pilihanraya kecil sekarang. Jadi, restriction kadar penggunaan bahasa Cina di samping Bahasa Malaysia diberi tempat yang utama, di dalam papan tanda—itu tidak bermaksud bahasa lain ataupun bahasa Cina itu akan dihalang ataupun tidak benar digunakan dalam papan tanda firma-firma atau kedai. Jadi, wakil dari Kota Melaka itu cuma menggunakan isu ini cuba memberikan satu gambaran yang salah, bahawa dengan cara beliau menggambarkan isu ini untuk menanamkan perasaan khususnya perasaan rakyat keturunan Cina dengan cara mengaitkan slogan satu bahasa, satu budaya itu dengan masalah papan tanda-papan tanda sehingga kerana masalah bahasa berlaku itu dianggap apa yang diadukan oleh wakil dari Kota Melaka dan DAP bahawa bahasa Cina ini akan dihapuskan atau akan dihalang dan digunakan di papan tanda. Jadi, itu maksud wakil dari Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dengar apa yang saya cakapkan. Saya boleh ulang balik, bahawa pelaksanaan dasar pengiklanan satu bahasa, satu budaya boleh dilaksanakan menerusi 2 cara. Pertama, dengan mengharamkan atau menyekat penggunaan bahasa Cina dan bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia. Kedua, dengan mengenakan yuran-yuran, bayaran-bayaran pengiklanan yang bersifat

punitive kerana menggunakan bahasa Cina dan lain-lain bahasa semata-mata untuk tidak menggalakkan penggunaan bahasa-bahasa tersebut, Ini bererti bahawa boleh dibenarkan tetapi kalau mahu terus gunakan membayar 18 kali lebih daripada apa yang biasa. Bukankah ini satu cara bahawa tidak langsung untuk restrict dan saya sangat hairan bahawa dahulu nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri jaguh, champion melawan peraturan-peraturan by-law ini, sekarang sudah jadi defender—pembela by-law ini, sudah tukar warna sangat cepat, sangat dahsyat, sangat deras. Saya rasa orang yang mahu tukar warna begitu cepat

Dato Lee Kim Sai (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu belum beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak akan beri jalan.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Pengerusi, saya minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang mahu tukar warna begitu cepat, saya tidak mahu beri jalan.

Dato Lee Kim Sai: Saya minta jalan untuk penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa mahu beri jalan dengan orang yang mahu tukar warna begitu cepat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Tuan Lee Kim Sai: Takut, jika tidak diberi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Takut, nanti cakap—boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila arahkan ucapan Yang Berhormat kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya sangat terperanjat bahawa orang-orang yang luar Dewan bercakap dengan begitu suara yang lantang, lawan peraturan-peraturan ini, tidak akan bertolak ansur tetapi datang di sini tunjuk menyerah, sudah tunduk, sudah lupa apa yang beliau bercakap di luar Dewan ini. Siapa yang beliau mahu tipu, siapa yang beliau mahu mislead. Saya tidak mahu buang masa dengan orang semacam ini, political chameleon. Tadi sebelum saya di

Dato Lee Kim Sai: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mengakui political chameleon, saya beri jalan.

Dato Lee Kim Sai: Saya hanya boleh bercakap kalau diberi jalan, kalau tidak beri itu bersikap takut. Tuan Pengerusi, saya pernah campur tangan dalam menyelesaikan masalah papan tanda selepas satu kejadian telah berlaku di kawasan Setapak di mana satu papan tanda sudah menjadi satu masalah. Berkenaan dengan masalah papan tanda itu khususnya di kawasan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur kerana masa itu saya tidak sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Kota Melaka itu lawan by-law atau lawan dasar Kerajaan. Memang masa itu saya mempertahankan dasar ataupun by-law Kerajaan kerana by-law masa itu ada menyatakan bahawa Bahasa Malaysia diberi tempat atau kedudukan utama tetapi bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Cina boleh digunakan di samping menggunakan Bahasa Malaysia dengan memberikan tempat yang utama. Tetapi apabila dilaksanakan by-law itu, apabila perlaksanaannya, ada pegawai-pegawai yang mentafsirkan by-law ini dengan fikiran ataupun dengan cara yang lebih memandangkan ataupun lebih memberi penumpuan kepada penggunaan Bahasa Melayu sehingga

pegawai-pegawai itu berfikir bahawa bahasa lain iaitu bahasa Cina diberi tempat setengah saiz Bahasa Melayu ataupun satu pertiga saiz Bahasa Malaysia sahaja. Maka itu saya ada mengambil kesempatan untuk berunding dengan pihak Bandaraya, pihak Wilayah Persekutuan.

Masalah yang dicontohkan oleh wakil dari Kota Melaka itu pun telah diselesaikan dan tidak akan menjadi masalah berkenaan dengan penggunaan Bahasa Malaysia dan bahasa Cina di papan-papan tanda di Wilayah Persekutuan. Tetapi apabila saya cuba berpakat atau berunding dengan pihak-pihak Majlis lain seperti yang dikatakan di Negeri Kedah, Negeri Melaka dan Negeri Sembilan tetapi DAP sudah suruh ahlinya membuat aduan di mahkamah. Jadi sekarang bagi pihak saya atau parti MCA nampaknya tidak boleh buat apa-apa kerana kes ini sudah didalam mahkamah. Itulah tindakan dan pendapat parti MCA terhadap isu papan tanda di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Ahli Yang Berhormat meneruskan minta saya bercakap sedikit. Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya telah menerima beberapa bantahan berasaskan Peraturan-peraturan Mesyuarat tertentu.

Mula-mula tadi saya telah menerima bantahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang mengingatkan Peraturan Mesyuarat 36 (2) yang menyebutkan tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekiranya pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan berbicara itu.

Dalam hal itu saya telah memutuskan supaya Yang Berhormat dari Kota Melaka dibenarkan meneruskan. Selepas itu diterima

bantahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, berasaskan kepada Peraturan Mesyuarat 35 (10) (d) dan (c). Saya telah memutuskan bahawa ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka belum lagi menyentuh Peraturan Mesyuarat berkenaan.

Dari itu setelah mendengar penjelasan daripada kedua-dua pihak dan dalam membawa huraian masing-masing Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dengan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri saya memohon agar setiap ucapan selepas ini dibawa dengan memikirkan tentang segala implikasi-implikasi Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c), kerana kalau menyentuhnya saya terpaksa mengendalikan mesyuarat dalam menjaga kepentingan Dewan yang mulia ini. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh terus ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya hendak sebut mengenai penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa masalah bukan tafsiran atau perlaksanaan pegawai-pegawai yang "over zealous". Masalah ialah dasar peraturan-peraturan, by-laws yang ada diluluskan dengan persetujuan semua ahli-ahli pemimpin-pemimpin MCA.

Mengenai perkara ini dalam mahkamah, ini barulah satu excuse sahaja untuk MCA lari daripada tanggungjawabnya. Oleh kerana itu tiada kena mengenai langsung dengan tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Perumahan yang patut menjaga sensitiviti semua kaum di negara ini. Oleh itu saya kemukakan cadangan ini dan saya bersedia untuk menarik balik usul ini sekiranya Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan di dalam Dewan ini bahawa Peraturan-peraturan, iklan satu bahasa satu budaya yang dikenakan oleh berbagai-bagai Majlis-majlis Perbandaran dan Daerah di negara ini akan dipinda untuk menarik balik

segala yuran-yuran pengiklanana yang bersifat punitive di negara ini terhadap penggunaan bahasa ibunda di papan-papan tanda dan pengiklanan.

Saya rasa sangat kesal bahawa dalam satu perkara ini yang merupakan satu tindakan censure terhadap Yang Berhormat Menteri Perumahan. Yang Berhormat Menteri Perumahan tidak berani berada di Dewan yang mulia ini untuk menghadapi censure ini untuk membela sendiri, tetapi sudah lari daripada Dewan yang mulia ini, ke mana saya tidak tahu. Inilah, di mana ada kewibawaan, authority? Apabila ada satu censure datang ke Dewan ini untuk menjawab, bukan lari untuk bersembunyi, lari ke mana? Kementerian beliau sendiri bukan lain-lain Kementerian dan mengenai satu perkara yang spesifik mengenai tujuannya, tugasnya, peranannya tetapi dia lari.

Saya rasa itu satu perkara yang malu dan merendahkan darjat Menteri-menteri dalam negara ini. Oleh kerana dahulu saya selalu dan bukan luar biasa, bukan tidak pernah saya kemukakan usul untuk memotong \$10 daripada gaji Menteri oleh kerana kecuaiannya kelalaian dan lain-lain perkara. Selalu lain-lain Menteri, Menteri yang berkenaan ada datang ke Dewan ini untuk mendengar di mana Dewan dapat satu jawapan. Tetapi inilah lagi satu political breakthrough MCA, syabas!

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang yang diuntukkan bagi Maksud B. 16 Butiran (Kod) 1100—Gaji dan Upahan, Program (1)—Perkhidmatan Bantuan (a), dikurangkan sebanyak \$10 berkenaan dengan Kepala Kecil (Kod) Butiran 1100 di muka 127 dalam Anggaran Perbelanjaan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi sudah lupa jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mana ada, tiada jawab?

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri hendak jawab?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Pengerusi, sebenarnya saya memikirkan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi telah pun dijawabkan di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi, walau bagaimanapun, memanglah kita pun sudah sangka ini memanglah peranan seorang ahli Pembangkang untuk menimbulkan usul-usul sedemikian rupa dan saya tidaklah terperanjat tetapi hanya agak rasa sedih sedikit melihatkan gelagat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini kerana rasa saya dia sanggup untuk menghinakan dirinya dan bertabiat sedemikian rupa di dalam Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya, bukan saya ini bangun hendak memberi penghormatan kepada beliau, tetapi, saya bangun ini untuk menyatakan di sini iaitu Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bukannya lari tetapi oleh kerana ada tugas-tugas negara yang lebih penting dia terpaksa berada di tempat lain dan tidak dapat hadir di dalam Dewan ini. Mungkin

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan!

Puan Napsiah binti Omar: Ya, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan tidak ada tugas-tugas nasional yang mustahak dan penting tetapi dia pergi ke Seremban?

Puan Napsiah binti Omar: Itu terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat untuk mentafsirkan,

kerana tiap-tiap rakyat di dalam negara ini mengikut Perlembagaan mempunyai haknya sendiri; itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, saya fikir perkara ini sebagaimana yang telah pun dikatakan tadi saya ingat “Ada undang di sebalik batu”. Mungkin Ahli Yang Berhormat ini tadi hendak menembak perkara yang lain. Jadi saya fikir tidak payahlah saya berpanjang lebar tetapi ingin saya menyatakan di sini prestasi Menteri selama ini rasa saya adalah baik dan sebagaimana kita mengetahui Undang-undang Kecil Iklan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini tadi telah pun dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dan beliau akan mengemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat kelulusan dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui di bawah Akta 171, memanglah peranan tiap-tiap Majlis Tempatan ataupun Penguasa Tempatan berhak untuk menggubal Undang-undang Kecilnya sendiri dan rasa saya ini terpulanglah kepada tiap-tiap Penguasa Tempatan, dia berhak untuk menggubal undang-undangnya sendiri.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah ingin mengambil masa yang lebih panjang lagi dan saya bangun untuk menolak usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa wang yang diuntukkan bagi Kepala B. 16 dikurangkan sebanyak \$10 berkenaan dengan Kepala-kecil Emolumen Butiran 1100, Gaji dan Upahan, Program (1).

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang sejumlah \$88,402,600 untuk Kepala B. 16 jadi sebahagian daripada Jadual, sekarang ini terbuka sekali lagi untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.34 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan Maksud B. 16, Butiran 1100 terutama sekali mengenai Program (2) di muka surat 127 berhubung dengan Perumahan iaitu bahagian Penyelarasan dan Perancangan dan juga bahagian (c) Penyelidikan dan Perancang Teknik.

Saya suka menekankan di sini dan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Perumahan yang begitu baik, yang begitu hebat untuk melancarkan perumahan-perumahan terutama sekali perumahan kos rendah untuk faedah ataupun untuk keperluan rakyat yang benar-benar memerlukan rumah pada masa ini dan masa yang akan datang. Cuma saya ingin memberikan pandangan oleh kerana terdapat pada masa-masa yang telah sudah di mana Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian ini di dalam pelaksanaan rumah-rumah yang diadakan di seluruh negara ini, ada terdapat dari segi teknik dan penyelarasannya dengan Jabatan ataupun Kementerian-kementerian yang lain yang bertugas untuk melengkapkan projek-projek perumahan tersebut.

Misalnya sebagai contoh, apabila sesuatu projek perumahan yang telah dibuat oleh Jabatan Perumahan Negara rumah itu telah terbiar begitu lama berbulan-bulan, ada setengahnya memakan masa sehingga hampir setahun dan perkara pengundian peserta-pesertanya telah ditentukan

tetapi pihak peserta-peserta yang telah diputuskan untuk mendapat rumah itu tidak dapat menduduki rumah tersebut dengan sebab tidak adanya ataupun tidak dapat dilaksanakan berkenaan dengan air, api dan sebagainya.

Jadi saya mengharapkan supaya pada masa yang akan datang kajian dan penyelarasan yang teliti hendaklah dibuat supaya penangguhan ataupun kelambatan yang seumpama itu tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Perumahan ini supaya syarat-syarat bagi rakyat ataupun mereka yang telah diberi peluang untuk ditemuduga bagi mendapatkan rumah-rumah kos rendah ini dapat dikaji semula, oleh kerana pada masa yang telah sudah saya ada mendapat bantahan-bantahan daripada orang-orang yang telah ditemuduga dan sebagainya yang telah mendapatkan rumah kos rendah ataupun yang tidak dapat itu ada menyatakan bahawa cara pelaksanaan di atas syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian ataupun Jabatan Perumahan Negara ini tidak dilaksanakan dengan begitu tepat. Jadi sekiranya ada perkara ini berlaku, saya berharaplah kepada Menteri yang berkenaan supaya mengkaji betul-betul syarat-syarat yang benar-benar kita dapat laksanakan. Jangan sampai apabila rumah itu telah diberikan kepada mereka yang telah dapat tetapi bantahan telah dikemukakan dan sebenarnya bantahan itu berpatutan pula dengan apa yang dibantah oleh pembantah-pembantah itu tetapi rumah itu telah pun kita luluskan.

Jadi dengan cara seperti yang saya katakan tadi keadilan akan dapat dijamin benar-benar mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh

Kementerian Perumahan ataupun Jabatan Perumahan Negara.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga menyokong rakan-rakan saya tadi tentang pelaksanaan dari segi tapak dan sebagainya. Sekiranya dapat Kementerian ini oleh kerana masalah perumahan kos rendah ini di luar-luar bandar misalnya, masalah tanah barangkali adalah tidak sama dengan masalah Kementerian ini untuk membangunkan rumah-rumah kos rendah ini di dalam bandar ataupun bandar kecil oleh kerana di luar bandar kita boleh mendapat tanah dengan begitu baik dan begitu luas bagi diambil oleh Kerajaan untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah ini oleh kerana rumah ini merupakan satu perkara yang benar-benar penting dan mustahak bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan menengah yang sangat memerlukannya. Jadi saya rasa sesuai dengan keadaan rumah itu untuk dibangunkan di kawasan luar bandar supaya disesuaikan dengan keadaan sekarang ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kepada projek Perumahan Swasta, bahagian (e) di muka surat 127, Butiran 1100 ini. Saya berharap Kementerian Perumahan ini dapat membuat sesuatu usaha yang begitu serius kepada perkara-perkara yang telah kita maklum ataupun diketahui oleh umum tentang keupayaan penyertaan pembelian Bumiputera di mana terdapat swasta-swasta yang telah membangunkan projek perumahan ini disyaratkan 30% mestilah diuntukkan kepada Bumiputera. Tetapi malangnya, Bumiputera-bumiputera tidak dapat membeli atau melaksanakan peruntukan yang diuntukkan oleh pihak swasta tersebut. Jadi, saya berharap sesuatu langkah dapat dibuat dengan pencapaian supaya perkara ini dapat dilaksanakan kerana sekiranya perkara ini dibiarkan begitu sahaja maka dasar untuk kita menyusun

kedudukan masyarakat yang berbilang bangsa atau berbilang kaum ini di dalam Dasar Ekonomi Baru tidak akan dapat dilaksanakan.

Saya rasa itulah perkara-perkara yang penting yang saya kemukakan bagi menyokong peruntukan Maksud Bekalan B. 16 untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.41 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, Maksud Pembangunan P. 16 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, butiran 1—Ibu Pejabat, muka surat 134—Projek-projek di Kawasan Penguasa-penguasa Tempatan dan Butiran 2, muka surat 135—Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan sama ada Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis-majlis Daerah berkenaan dengan perbelanjaan yang tinggi yang terpaksa dipikul oleh mereka. Majlis-majlis Kerajaan Tempatan di negeri-negeri dikehendaki mencari sumber-sumber kewangannya sendiri untuk belanja mengurus serta menjalankan sedikit sebanyak pembangunan yang mereka dipertanggungjawabkan untuk menyediakan perkhidmatan tapak-tapak perniagaan kecil, sistem pembetulan najis dan pamaritan, lampu-lampu jalan, membina jalan-jalan di bawah jagaan Majlis dan mengambil satu bilangan besar pekerja-pekerja untuk membersihkan kawasan-kawasan bandar serta mengindahkan bandar dan seterusnya membuat rancangan yang teratur untuk daerah masing-masing.

Contohnya, Tuan Pengerusi, bagi Majlis Perbandaran Kota Setar kos elektrik bagi lampu-lampu jalan meningkat sehingga \$650,000 setahun. Projek pembetulan najis Alor Malai dan Kota Setar di bawah butiran 58 muka surat 138 tidak dapat disempurnakan oleh sebab tidak ada peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Begitu juga berkenaan dengan rancangan pamaritan bagi Alor Setar/Kuala Kedah tidak dapat dilaksanakan oleh sebab Majlis Perbandaran Kota Setar tidak ada kemampuan untuk menyediakan anggaran perbelanjaan sebanyak \$23.2 juta.

Saya juga percaya, Tuan Pengerusi, Majlis-majlis Kerajaan Tempatan yang lain menghadapi masalah yang sama dan tiap-tiap tahun menyediakan anggaran belanjawan yang deficit. Majlis-majlis Kerajaan Tempatan ini terpaksa meminjam daripada Kerajaan Negeri ataupun institusi kewangan yang lain untuk meneruskan memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Akibat dari dasar ini iaitu supaya Majlis-majlis Kerajaan Tempatan berdikari ialah banyak pembangunan tidak dapat dijalankan dan Majlis terpaksa menaikkan hasil-hasil pintu berlipat ganda sehingga ada kalanya sehingga 10 kali ganda, oleh sebab sumber pendapatan untuk Majlis-majlis ini bergantung semata-mata kepada hasil pintu. Amalan ini sudah tentu menambahkan lagi beban kepada rakyat khususnya bagi rakyat yang berpendapatan rendah.

Sungguhpun anggaran belanjawan Negara bagi 1984 tidak mewujudkan cukai-cukai baru yang boleh menyulitkan lagi kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah tetapi oleh sebab cukai-cukai yang dikenakan oleh Majlis-majlis Kerajaan Tempatan kepada rakyat luar bandar, maka rakyat merasai beban ini.

Tuan Pengerusi, memandangkan masalah ini saya rasa Kerajaan perlu mengkaji semula dasar ini, dan saya mengesyorkan kepada Kerajaan memikul tanggungjawab kewangan untuk membangunkan bandar atau membiayai keseluruhan belanja mengurus serta pembangunan di dalam satu-satu Majlis Kerajaan Tempatan. Saya membuat syor ini memandangkan cukai-cukai pendapatan, cukai-cukai yang dikenakan kepada syarikat-syarikat, cukai-cukai perniagaan begitu juga cukai-cukai bagi keuntungan harta dipungut oleh Kerajaan Pusat. Tiap-tiap rancangan untuk membaiki kemudahan-kemudahan secara tidak langsung akan menambahkan lagi aktiviti perniagaan dan seterusnya menambah lagi pendapatan kepada Kerajaan Pusat dari segi cukai-cukai yang boleh dipungut.

Dengan adanya dasar untuk menjamin kewangan kepada Majlis-majlis Kerajaan Tempatan, maka bolehlah pihak Majlis-majlis ini membuat perancangan yang teratur bagi bandar-bandar yang akan dibangunkan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Majlis-majlis juga boleh merancang supaya tiap-tiap bandar diperuntukkan kawasan-kawasan rekreasi, pusat perdagangan dan pusat pentadbiran, pengangkutan yang memuaskan, jalan-jalan yang selesa dan juga penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dengan pembangunan bandar.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh maksud P. 16 Butiran 15—Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah, muka surat 135.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah yang sedang berjalan sekarang. Pada

keseluruhannya saya rasa berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai untuk menyediakan rumah-rumah kepada rakyat di negara ini khasnya di negeri Kedah. Saya difahamkan bagi tahun 1984/1985 ini lebih kurang 11,000 buah rumah akan siap. Ini bermakna lebih kurang 5,500 buah rumah tiap-tiap tahun. Daripada apa yang diberitahu kepada saya untuk 11,000 buah rumah ini terdapat 30,000 orang pemohon dan ini pada keseluruhannya bagi 3 orang pemohon, seorang akan berjaya. Nisbah ini boleh dikatakan memuaskan. Tetapi, Tuan Pengerusi, ada tempat-tempat yang tertentu yang mana jumlah rumah kos rendah ini dibina terlampau sedikit bilangannya. Contohnya, di kawasan Parlimen Kuala Kedah, bagi rancangan perumahan awam kos rendah Anak Bukit dan Kuala Sala hanya 53 unit rumah dibina. Bagi pekan Kuala Kedah pula rancangan yang sedang berjalan sekarang hanya untuk 109 unit rumah. Keadaan ini tidak memuaskan. Oleh sebab terlampau ramai yang memohon dan sudah tentu bagi tiap-tiap orang yang berjaya akan terdapat 5 atau 6 orang lagi yang akan keciwa. Mungkin bagi orang-orang yang berjaya itu mereka akan berterima kasih kepada Kerajaan, mungkin tidak, tetapi apa yang sudah pasti bagi 5 atau 6 orang lagi mereka akan mengecam Kerajaan.

Saya berharap keadaan ini akan dapat diperbaiki supaya lebih banyak rumah-rumah kos rendah ini dibina di satu-satu tempat untuk satu-satu rancangan sekurang-kurangnya 200 hingga 250 buah rumah misalnya.

Tuan Pengerusi, inilah sedikit sebanyak saranan saya kepada Kerajaan bagi membahaskan tajuk Perbelanjaan Maksud Pembangunan P. 16 dan seterusnya saya menyokong perbelanjaan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.50 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian di dalam perbahasan ini bagi membicarakan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 1984.

Saya ingin menyentuh muka surat 127, Program 3, muka surat 136 Butiran 1, muka surat 135, Butiran 2. Saya akan rangkumkan sekali kesemua tajuk-tajuk ini memandangkan ianya adalah saling berkaitan di antara satu sama lain dan saya dapati ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh perkara ini yang saya juga rasa amat penting baginya untuk dipertimbangkan oleh pihak Kementerian untuk pelaksanaan. Seperti yang kita ketahui bahawa Kerajaan-kerajaan Tempatan iaitu Majlis-majlis Derah Kerajaan Tempatan boleh dikatakan kesemuanya adalah mengalami kekurangan peruntukan setiap tahun, jadi dengan itu adalah projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh pihak Berkuasa Tempatan ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya rasa suatu kajian perlulah dibuat oleh pihak Kementerian bagi mengkaji semula dasar pemberian kewangan pada pihak Berkuasa Tempatan kerana pada masa ini pihak-pihak Berkuasa Tempatan hanya membelanjakan wang daripada Geran Pelancaran (launching grant) dengan izin, Tuan Pengerusi, dan juga wang-wang geran tahunan yang diberikan mengikut kadar penduduk bagi sesuatu kawasan. Ini telah pun dibuat beberapa tahun yang lalu dan dengan pertambahan penduduk yang pesat sekarang ini adalah menjadi satu perkara baru dan pihak Kementerian dan pihak Kerajaan harus mengkaji semua tentang pemberian geran

tahunan ini bagi membolehkan Kerajaan-kerajaan Tempatan melaksanakan program-programnya dengan baik. Bersangkutan dengan perkara pada muka surat 135 iaitu mengenai Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan ini. Saya juga bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh supaya pihak Kerajaan mengadakan balik peruntukan ini bagi pihak-pihak Penguasa Tempatan menjalankan tugas dengan baik, sememangnya pihak-pihak Penguasa Tempatan tidak dapat menjelaskan bil-bil elektrik bagi sesuatu bulan dan satu masa dahulu kalau tidak salah bahawa ada ura-ura Kerajaan untuk menjelaskan bil-bil lampu jalan ini oleh pihak Berkuasa Negeri. Jika sekiranya ini dapat dilaksanakan, saya rasa pihak Penguasa Tempatan akan mempunyai sedikit ruang ataupun mempunyai lebihan kewangan di dalam usaha untuk menjalankan projek-projek bagi Majlis-majlis Daerah Kerajaan Tempatan.

Satu sumber pendapatan yang telah dan sedang diterima oleh pihak Berkuasa Tempatan ialah melalui cukai-cukai pintu yang dipungut oleh pihak Penguasa Tempatan ini. Saya dapati pihak-pihak Berkuasa Tempatan tidak mempunyai kebolehan, kepakaran di dalam bidang untuk menilai rumah-rumah di dalam Penguasa-penguasa Tempatan. Penguasa-penguasa Tempatan sudahlah mempunyai jumlah kakitangan yang kecil dan mempunyai tugas untuk menilai semula rumah-rumah untuk dipungut cukai dan tidak juga pada peringkat negeri mempunyai Pegawai-pegawai Penilaiannya yang cukup untuk melatih pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan ini bagi menilai rumah-rumah itu. Jadi dalam hal ini adalah wajar bagi pihak Kementerian untuk memberi garis panduan kepada Penguasa-penguasa Tempatan supaya dapat pihak Penguasa Tempatan ini membuat

penilaian supaya kadar bagi semua Penguasa-penguasa Tempatan itu dapat disamakan. Apa yang terjadi sekarang ini tidak ada keseimbangan, ada Penguasa Tempatan yang memungut lebih bagi satu jenis rumah yang sama, ada juga Penguasa Tempatan yang memungut kurang bagi satu jenis rumah yang sama, jadi satu garis panduan adalah saya rasa sesuai untuk Penguasa Tempatan ini di dalam usaha menilai rumah-rumah yang akan dipungut cukainya.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, adalah program bagi mengindahkan kawasan-kawasan bandar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberi arahan kepada Penguasa-penguasa Tempatan supaya pihak Penguasa Tempatan ini menanam pokok-pokok bunga, pokok-pokok yang boleh mengindahkan pekan-pekan kecil, bandar-bandar kecil di bawah pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan. Tetapi yang menyedihkan tidak ada peruntukan bagi pihak Penguasa Tempatan melaksanakan tugas ini. Memangnya program ini adalah satu program yang baik dan ianya dalam satu jangka masa panjang akan dapat membantu mengindahkan pekan-pekan kecil ini. Jadi pihak Kementerian perlulah memberi pertimbangan supaya peruntukan bagi memperelokkan, mengindahkan kawasan-kawasan pekan di bawah kelolaan pihak Berkuasa Tempatan ini diadakan sekadar bagi memulakan program mencantikkan kawasan-kawasan pekan ini.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, dalam muka surat 142, program (2) iaitu Perancangan Kawasan-kawasan Bandar. Pihak Kerajaan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah pun mengarahkan supaya diadakan satu pelan pembangunan (development plan) dan satu pelan tindakan (action

plan) bagi semua pekan-pekan yang terdapat di negara ini, tetapi sehingga ini belum pun sampai separuh saya yakin pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menyelesaikan tugasnya. Jadi dengan ini adalah menjadi suatu masalah kepada pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha untuk membincang dan meluluskan beberapa permohonan program pembangunan perumahan, misalnya, jika sekiranya sesuatu permohonan dibuat bagi membina projek perumahan di luar daripada kawasan yang dianggapkan kawasan pembangunan maka pihak perancang tidak akan memberi pandangan yang positif iaitu pandangan ke arah untuk membenarkan pihak Berkuasa Tempatan meluluskan pelan-pelan bagi tujuan ini.

Jadi saya minta supaya pihak Kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa supaya mempercepatkan penyediaan pelan-pelan pembangunan bagi sesuatu Majlis Daerah, Kerajaan Tempatan supaya ianya dapat ditimbang dengan baik dan teliti supaya pemaju-pemaju yang ingin memajukan kawasan yang ada potensi dapat melaksanakannya dan dengan itu akan memberi pertambahan pembangunan bagi sesuatu kawasan itu, kerana dengan wujudnya rancangan-rancangan perumahan di dalam kawasan Majlis Daerah, Kerajaan Tempatan ini, saya yakin dan sememangnya akan wujud beberapa program kecil sampingan seperti pembinaan longkang-longkang dan pamaritan yang agak sesuai, yang perlu diusahakan, yang perlu disediakan oleh pihak yang akan melaksanakan program pembangunan ini. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.00 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam Butiran B. 16, Program 1 (c) Kemajuan Perkampungan, dan juga P. 16, muka surat 137, Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberi kepada Aktiviti Kemajuan Perkampungan ini sebanyak \$703,000. Ini merupakan lebih sebanyak \$110,000 dan di dalam pembangunannya, peruntukan telah diberi secara langsung sebanyak \$1 juta.

Apa yang saya hendak menekankan di sini, Tuan Pengerusi, ialah Kemajuan Kampung ini adalah juga akan termasuk kampung-kampung tradisional di persekitaran dan dasarnya adalah untuk membiayai projek-projek kemajuan-kemajuan kampung. Apakah aktiviti kemajuan perkampungan yang dijalankan selain daripada ditumpukan semata-mata kepada perkampungan baru yang telah pun mendapat kemudahan-kemudahan dengan rancangan yang telah disusun oleh Kerajaan lebih awal lagi? Jadi, tidaklah kita hendak tumpukan juga kepada kampung-kampung tradisional di sekitarnya dan juga kampung-kampung tradisional yang lain yang kita anggapkan bahawa kemudahan asasnyanya adalah amat berkurangan dan juga kalau kita katakan jauh daripada apa yang kita anggapkan sebagai kemudahan yang kita boleh berikan kepada kampung tradisional kalau kita bandingkan dengan kemudahan asas yang didapati oleh kampung-kampung baru. Perbezaan ini akan menimbulkan prasangka yang kurang baik, terutama tumpuan hendaklah diberi juga

kepada kampung-kampung tradisional di luar-luar bandar yang keadaan rumah dan kemudahan asasnyanya adalah jauh daripada sepatutnya yang kita anggapkan boleh didiami oleh manusia setengah-setengah tempat itu.

Oleh itu, pertolongan dan bantuan yang hendak kita berikan itu hendaklah diberi kepada mereka yang susah, mereka yang belum lagi mendapat bantuan. Janganlah kita mencurahkan garam itu ke dalam laut, tidak akan ada faedahnya. Kalau kita mencurahkan garam ke dalam laut sudah tentulah terima kasih yang kita harapkan daripada pemberian kita itu tidak akan kita dapati. Jadi kalau kita beri kepada mereka yang benar-benar mengharapkan perkara ini, terutama di kampung-kampung tradisional, perbezaannya tidak akan jauh daripada apa yang kita lakukan di kampung-kampung baru sudah tentulah akan memberikan terima kasih yang jujur dan ikhlas kepada Kerajaan, bukan berterima kasih daun keladi, terima kasih berkehendakkan sesuatu lagi.

Tuan Pengerusi, buktikanlah Kementerian ini merupakan Kementerian juga yang akan menumpukan kepada kampung tradisional, keperluan-keperluan, kemudahan-kemudahan asas supaya sejajar dengan perubahan-perubahan kampung baru yang sudah tentulah merupakan satu tuduhan yang tidak baik kalau sekiranya perbezaan ini berlaku di kalangan pembangunan kampung-kampung. Jadi peruntukan yang \$1 juta di dalam pembangunan ini hendak juga akan mengalir ke kampung-kampung tradisional yang sedikit sebanyak akan menolong Kerajaan di dalam peranannya meninggikan sosio-ekonomi orang-orang Melayu di luar bandar dan juga di perkampungan-perkampungan tradisional. Saya mengangapkan bahawa kemajuan per-

perkampungan ini tidak semestinya di pinggir sahaja, tetapi di luar yang agak boleh menjadikan perbandingan dengan kemajuan yang terdapat di kampung-kampung baru ini.

Saya juga akan menyentuh kepada B. 16 juga, Program 2 (c) Perumahan, yang diperuntukkan sebanyak \$8.8 juta, iaitu Bahagian Aktiviti Penyelidikan dan Perancang Teknik. Ini juga akan disentuh kepada Bahagian Perumahan. Saya suka hendak menimbulkan tentang rekabentuk perumahan yang mungkin sedikit sebanyak akan memberi gambaran bahawa negara kita ini berbeza dengan negara-negara lain kalau kita melihatkan kepada bentuk rumah. Perbezaan ini penting. Misalnya, apabila kita mengatakan kita mempunyai satu kebudayaan nasional, maka kita seharusnya merekabentuk dari segi lahirnya, dari segi pandangannya biarlah bercorak kebudayaan nasional kita, iaitu corak yang kita boleh anggapkan tidak ada di tempat-tempat lain dan kita anggapkan rekabentuk itu menjadi paten kepada negara kita.

Bukan rekabentuk dari segi lahir sahaja, tetapi saya suka hendak menyebut dari segi "lay-out" ataupun dari segi rekabentuk di dalamnya, iaitu pembinaan rumah pula kadang-kadang tidak mengikut sosial budaya Melayu dalam masyarakat Melayu Islam yang mempunyai nilai-nilai Islam di dalamnya. Janganlah kita pandai ikut kehendak dan suka hati rekabentuk itu sahaja mengikut apa yang dianggapkan baik oleh pemaju perumahan ataupun rekabentuk sesuka hati mereka sahaja. Oleh itu saya minta supaya pembinaan rumah di dalam negara kita ini mengikut sosial budaya dalam masyarakat kita yang beragama Islam sebagai agama rasmi dan memasukkan unsur-unsur nilai Islam yang kita percakapkan begitu banyak sekarang ini. Jadi kalau pembentukan rumah kita memasukkan nilai-nilai Islam, sudah

tentu menggambarkan bahawa negara kita ini mempunyai unsur-unsur nilai Islam yang sebenarnya.

Misalnya, kita dapati semua pembinaan rumah mempunyai bilik mandi dengan tandas yang bersekali. Di dalam nilai-nilai Islam, sepatutnya bilik mandi dan tandas itu mesti berasingan, ini akan menghilangkan was-was kita semasa kita hendak mengambil air sembahyang dan sebagainya. Dan tandas itu pula tempat sangkut kertas ada, tetapi paip tidak ada, walaupun kita boleh masukkan kemudian, itu soal lain, tetapi ini adalah rekabentuk yang telah dibuat oleh orang yang mereka dan pemaju perumahan. Ini juga tidak mempunyai nilai-nilai Islam. Perkara ini kecil, tetapi kalau kita buat sesuka hati bermakna rumah yang kita reka itu tidak mempunyai sosial budaya Islam, sosial budaya Melayu atau sosial budaya yang kita anggapkan sebagai nilai-nilai yang baik kepada kita penganut Islam yang sebenarnya.

Misalnya, kalau kita kirakan tandasnya, di mana-mana rumah mengikut suka hati dan kadang-kadang kita sembahyang pun mengikut kiblatnya ialah menyembah tandas dan seharusnya untuk membina tandas ini, tandas itu tidak hadapan daripada kiblat yang kita hendak sembahyang. Tandas itu kenalah di sebelah matahari naik, tidak di sebelah matahari jatuh. Kalau sebelah matahari jatuh, seolah-olah kita mengadap tandas. Ini merupakan nilai-nilai Islam yang harus kita kaji dalam pembinaan rumah. Walaupun ini kecil, tetapi mempunyai nilai yang kita kehendaki.

Selain daripada itu, lay-out rumah itu biarlah selari dengan kiblat. Maknanya, apabila kita hendak berjemaah tidaklah kita pakai tuju serong sahaja, tetapi biarlah kita tuju lurus. Apabila kita tuju serong, bermakna rumah itu sudah tidak berkiblat dan apabila kita tuju betul

barulah rumah itu tuju kiblat. Ini penting dari segi nilai Islam supaya mudah kita berjemaah dan sembahyang selain daripada tidak mengadap tandas, tetapi luas ruangan untuk kita berjemaah.

Kadang-kadang ada juga di antara pendapat-pendapat ini yang kita anggapkan sebagai satu khayalan, tetapi ada benarnya. Dalam kebudayaan Melayu banyak di dalam pembinaan rumah, misalnya kalau rumah pakai perigi, kalau perigi itu kita galikan di sebelah matahari naik, maka dipanggil oleh orang-orang tua ialah satu telaga penawar, katanya, dan kalau perigi itu digali di sebelah matahari jatuh, ini telaga beracun. Keadaan ini harus kita amati.

Yang paling saya rasa perkara ini khayal, tetapi setengah orang tidak percaya, tetapi buktinya ada. Misalnya, semasa pembinaan rumah hendak ditaruskan garam, tawas dan tahi besi ataupun besi di bawah rumah itu. Ini kita kata khayal tetapi benda ini diamal oleh orang tua-tua dan ini satu daripada sebab untuk mengelakkan daripada rumah itu dinaiki anai-anai dan juga rumah itu sejuk. Jadi, petua-petua ini penting dari segi nilai-nilai Islam dan ini saya telah buktikan semasa saya di Terengganu dahulu—barangkali orang Terengganu sendiri pun tidak lupa ini tetapi dia membuat satu perumahan di atas busut, semua keliling rumah itu naik anai-anai tetapi sebuah rumah itu tidak dinaiki anai-anai dan saya boleh sebut namanya selepas ini siapa yang membuat rumah itu dan boleh membuktikan bahawa rumah yang ditaruh petua-petua yang disebut tadi merupakan rumah yang baik, rumah yang tidak dinaiki anai-anai, sejuk dan juga rumah itu menjadi penghalang daripada orang membuat sesuatu tuju atau membuat sesuatu hikmat terhadap rumah itu. Inilah merupakan suatu perkara yang kita boleh ketawakan tetapi buktinya ada, orang-orang tua mengamalkan ini dan kalau

saya boleh buktikan kepada orang ini dari segi anai-anai tidak naik kepada rumah yang menggunakan petua seperti ini. Banyak lagi perkara-perkara yang patut menjadi contoh kepada kita sebagai orang Islam yang patut diambil perhatian bahawa rumah itu hendaklah kita binakan dengan mempunyai unsur-unsur Islam, mempunyai nilai-nilai yang boleh kita banggakan, janganlah pakai ikut kehendak, ikut hendak buat, ikut sesuka pemaju perumahan dan ikut reka bentuk. Jadi, nasihat-nasihat seperti ini adalah penting bagi melahirkan nilai-nilai Islam atau sosial budaya kita di dalam reka bentuk rumah dan juga lay out bentuk rumah-rumah itu.

Saya suka hendak pergi kepada aktiviti (a) Bahagian Perumahan juga, iaitu Perumahan Kos Rendah, Penyelarasan dan Perancangan dan juga bahagian di muka surat 135, (b) Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Sebenarnya, kita tidak dapat nafikan lagi bahawa rancangan ini baik untuk orang-orang miskin dan apabila Kerajaan hendak membinanya dia mengambil tanah Kerajaan ataupun tanah-tanah dengan secara pengambilan tetapi masalahnya setelah selesai masalah tanah, pembinaannya memakan masa sampai 4 atau 5 tahun. Ini telah terbukti yang dibina pada tahun 1978 hingga 1979 tahun 1983 baru dapat dimasukki oleh penghuni. Itupun belum cukup dari segi api, airnya dan kemudahan asas yang lain. Ini merupakan suatu perkara dan beban kepada orang politik bahawa apabila bercakap soal projek pembangunan, dia akan mencontohi kepada rancangan perumahan yang lama, yang tidak dapat diduduki. Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian

Perumahan ini supaya menyediakan tapak, mengambil tanah Kerajaan ataupun tanah sesiapa sahaja sebagaimana mengambil untuk pembinaan rumah itu dan pembinaannya diserahkan kepada swasta dan pembayaran balik perlulah diambil daripada swasta tersebut dari segi nilai tanah yang sepatutnya sebagaimana Kementerian ini membayar kepada mereka itu.

Jadi apabila kita menyediakan tapak tanah dan sebagainya itu kita nilaikan dengan yang dilakukan sebagaimana kita mengambil tanah tadi, maka kita serahkan kepada swasta untuk membina dan menyiapkan rumah dengan bayaran kos modal tanah itu sahaja. Jadi syarikat swasta tadi akan membinakan rumah-rumah murah sebagaimana pelan dan kehendak kita. Ini sebenarnya kalau kita mengharapkan swasta memang dia tidak hendak membina dengan cara tersendiri kerana tanah yang hendak didirikan rumah murah itu nilainya mahal. Apabila nilainya mahal hendak dijual dengan harga yang murah dan tidak menguntungkan, sudah tentu mereka tidak hendak. Tetapi apabila kita menyediakan tapak seperti ini maka sudah tentulah mereka ini akan membina rumah murah sebagaimana yang dikehendaki itu dan ini mengikutlah cara kehendak kita untuk mengswastakan pembinaan rumah-rumah murah seperti ini dengan sebarang kemudahan-kemudahan asas yang patut dibina oleh swasta ini dengan syarat harga rumah itu hendaklah ditetapkan dan dipersetujui oleh Kerajaan. Kita akan menetapkan harga rumah yang diberikan itu. Begitu juga pemilihan pemohon dilakukan oleh jawatankuasa yang dibentuk oleh Kerajaan. Ini berdasarkan kelayakan dan kemampuan mereka yang hendak memiliki rumah kos murah itu dan juga pengurusan pinjaman dan pungutan balik diserahkan juga kepada swasta.

Sebagaimana kita tahu sekarang ini pinjaman balik diserahkan kepada Majlis Daerah dan diserahkan kepada SEDC, misalnya, ini merupakan anggapan kepada orang kampung bahawa rumah kos rendah ini dibuat oleh Kerajaan. Jadi kita tidak perlu bayar katanya. Ini kita tidak dapat nafikan. Bayaran balik memang kita tidak akan dapat balik sepatutnya. Kalau dapat suku pun nasib, walaupun pungutan ataupun tindakan yang kita jalankan ini sudah merupakan pemberian Kerajaan kepadanya. Ini hak Kerajaan. Dengan sebab itulah kalau pembayaran balik ini kita serahkan kepada swasta yang memungutnya dengan faedah yang berpatutan sudah tentu beban kepada Kerajaan tidak ada lagi. Juga mereka yang hendak memiliki rumah murah ini akan terasa bahawa dia beli daripada swasta bukan dia beli daripada Kerajaan. Dengan ini bukan sahaja kita dapat mengurangkan beban Kerajaan tetapi kita dapat memungut balik kewangan yang digunakan oleh swasta kerana untuk pembinaan rumah tersebut. Jadi, dengan cara ini selain daripada rumah itu dapat dicepatkan sudah tentulah kemudahan-kemudahan bagi pihak Kerajaan akan dapat dirasakan untuk kita tumpukan kepada perkara-perkara lain.

Jadi, apa yang saya katakan di sini kita hendak menyuruh swasta mendirikan rumah kos rendah, pihak Kerajaan mendirikan rumah kos rendah di tanah Kerajaan, di tanah yang diambil balik dengan cara pengambilan balik Kerajaan. Kalau swasta diberi dengan tanah pengambilan balik, mereka juga dapat membuat rumah kos rendah dengan untuk yang paling minima pun dia boleh buat tetapi masalahnya kita suruh pihak swasta ini membina di tanah yang dibeli dengan harga yang mahal, dengan harga pasaran tentulah mereka ini tidak begitu menggalakkan, lebih-lebih lagi mereka ini akan memperolehi keuntungan yang besar

mereka mendirikan rumah itu rumah yang sederhana atau rumah mewah yang harganya tinggi sudah tentulah mendapat keuntungan yang lebih pada hal tanah saiz itu juga. Dengan cara kita menyerah kepada swasta untuk membina rumah dengan Kementerian menyediakan tapak ini mungkin kita dapat menyelesaikan masalah di dalam segi mempercepatkan rumah kos murah ini didirikan di luar-luar bandar atau di kampung-kampung dan juga akan mengurangkan beban Kerajaan.

Selain daripada itu juga bahagian (d) Pinjaman Perumahan. Saya suka juga menyentuh dari segi pembangunan ini, muka surat 135 Pinjaman. Saya anggapkan pinjaman ini pinjaman kepada Kerajaan Negeri sebanyak \$270 juta dan juga pinjaman kepada Malaysian Building Society Berhad sebanyak \$17 juta. Ini pinjaman di bawah rumah awam kos rendah.

Jadi saya melihat kepada tujuan pinjaman perumahan di bawah Kementerian ini adalah untuk memberikan perumahan rakyat di kampung-kampung tradisional dan juga kampung-kampung nelayan yang amat perlu mendapat pinjaman perumahan bagi meninggikan taraf hidup mereka.

Rumah-rumah mereka yang ada di kampung tradisional ini masih tidak baik dan tidak sesuai untuk kita duduki di setengah-setengah tempat itu dan jauh sekali dengan adanya kemudahan-kemudahan asas yang kita harapkan tadi di mana pinjaman ini sepatutnya Kementerian ini menggalakkan dan juga memberitahu rakyat tentang adanya pinjaman yang disediakan oleh Kementerian ini untuk mereka itu membuat rumah. Selama ini mereka tidak tahu bagaimanakah caranya untuk mendapatkan pinjaman ini dan bagaimana caranya

untuk urusan-urusannya. Jadi kita mintalah Kementerian ini walau apa cara sekalipun supaya usaha yang dijalankan itu dapat membolehkan orang yang mempunyai rumah yang tidak sempurna, yang tidak baik di kampung tradisional itu mendapat pinjaman ini. Dan perkara ini patut diterangkan kepada rakyat dengan seluas-luasnya melalui alatan-alatan Kerajaan, kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri hanyalah membina rumah-rumah kos rendah sebagaimana yang saya sebutkan tadi tetapi tidak ada mengeluarkan pinjaman ini kepada rumah-rumah tradisional di perkampungan Melayu yang memerlukan pinjaman seperti ini, misalnya untuk memperbaiki rumah atau membuat rumah-rumah baharu yang sesuai dengan mereka.

Jadi kita mintalah kepada Kementerian ini pinjaman di bawah rancangan ini untuk memberi kemudahan kepada rakyat di kampung tradisional dan saya juga meminta supaya pinjaman perumahan yang diberi ini kalau sekiranya Kementerian ini tidak mempunyai kemampuan, saya rasa boleh juga diserahkan kepada Majlis-majlis Daerah atau Majlis-majlis Tempatan bagi menguruskan atau memprosesnya sebelum mendapat keputusan daripada Kementerian ini, kerana mereka di peringkat Daerah ini lebih tahu keadaan orang yang hendak meminjam itu dan sekiranya diberi kuasa kepada Majlis Daerah untuk menguruskan pinjaman perumahan kampung walaupun ianya di luar daripada kawasan Majlis Daerah tetapi merupakan satu-satu agensi yang paling rapat dengan rakyat di bawah Kementerian ini yang sepatutnya diberi untuk mengendalikan atau memproses pinjaman perumahan ini sebelum keputusan dibuat oleh Kementerian ini. Kerana agensi Kementerian ini yang paling rapat sekali ialah Majlis

Daerah atau Majlis Tempatan dan masa yang sepatutnya pinjaman ini diberi hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah sebagai wakil Kementerian ini. Dan kalau sekiranya kita tidak membuat seperti ini maka sudah tentulah pinjaman ini akan tinggal begitu sahaja dan tidak akan mendapat faedah kepada rakyat kita.

Akhir sekali saya suka hendak menyebut Program (3) Kerajaan Tempatan, peruntukan yang diberi sebanyak \$16.5 juta tetapi Kementerian ini bercadang untuk memberi pinjaman sebanyak \$317.2 juta bagi Maksud Pembangunan.

Jadi setelah Kerajaan Tempatan ini disusun semula dan Kerajaan Tempatan ini dibaiki, kita berharap Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dapat menyusun semula bukan sahaja dapat diseragamkan dari segi pentadbiran dan kewangannya, tetapi dapat diseragamkan perancangan projek pembangunan yang boleh mendatangkan hasil kepada Majlis Daerah itu sendiri, kerana kita tahu bahawa pada satu masa akan datang Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran itu akan menjalankan kegiatannya atau akan menjalankan projeknya dengan cara berdikari ataupun akan menyusun pengurusan, pentadbirannya dengan cara bersendirinya pada akhir-akhirnya.

Jadi kalau kita tidak merancangkan suatu projek atau sesuatu pembangunan yang kita jalankan itu bagi mendapat hasil jangka panjang kepada Majlis Daerah ini, sudah tentulah satu masa Majlis Daerah ini tidak akan dapat berdiri di atas kakinya sendiri, yakni masih lagi mengharap bantuan daripada Kerajaan, pada hal Majlis-majlis Daerah ini dapat menguasai banyak tanah-tanah di kawasan bandar. Seharusnya pihak Kementerian ini memperbanyakkan lagi pinjaman diberi kepada Majlis Daerah yang

hendak menjalankan projek bagi mendatangkan hasil kepada Majlis Tempatan itu sendiri.

Dengan ini tentulah di dalam jangka panjangnya akan menguntungkan kepada Majlis Tempatan ini dan pada satu masa satu beban kepada Kementerian ini akan dapat dilepaskan. Dan hasrat untuk menswastakan Majlis Daerah ini ataupun untuk membebaskan Majlis Daerah ini di bawah Kementerian dan Kementerian sebagai satu Badan pengawas sahaja, maka cara seperti ini adalah lebih baik kalau sekiranya persediaan-persediaan dan perancangan-perancangan dibuat bagi membuat projek yang boleh mendatangkan hasil dalam jangka panjang kepada Majlis-majlis Tempatan ini.

Setakat ini saya tidak nampak adanya program-programnya yang dinyatakan bagi projek jangka panjang yang mendatangkan hasil. Tetapi saya rasa Kementerian ini akan berusaha ke arah itu dan akan dapat mewujudkan satu perancangan bagi mendatangkan hasil kepada Majlis Daerah dan tidaklah hanya memberi geran-geran dan peruntukan-peruntukan secara tidak langsung sebagai satu jangka masa pendek yang mana satu masa nanti perkara ini mungkin akan ditarik balik.

Itulah harapan saya kepada Kementerian ini yang memberi pinjaman sebanyak \$317.2 juta. Ini sedikit sebanyak diuntukkan kepada pembangunan Majlis atau Majlis Tempatan di pekan-pekan kecil sebagaimana yang saya maksudkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Larut.

5.29 ptg.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa (Larut): Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil

peluang bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk menyokong peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dan dengan ini saya mengambil masa yang pendek sahaja untuk menyentuh satu dua perkara.

Pada keseluruhannya walaupun keadaan negara menghadapi kemelesetan, tetapi susunan-susunan, rancangan perumahan khasnya perumahan kos rendah dan lain-lain mengenai penguasa tempatan dan sebagainya adalah dapat diatur dengan baiknya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh di muka surat 135, Butiran 17 Skim Pertapakan dan Kemudahan dan Butiran 31 Kemajuan Perkampungan, muka surat 137.

Untuk memberi peluang kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana, lebih cepat mendapat perumahan-perumahan maka adalah menasabah diadakan kampung-kampung tersusun seperti yang banyak diaturkan oleh Kerajaan Negeri Perak di seluruh daerah-daerah di kawasan-kawasan yang ada tanah-tanah Kerajaan, seperti tanah-tanah bekas lombong ataupun tanah-tanah yang masih terpendil di pinggir kampung ataupun di kawasan-kawasan yang strategik yang boleh kita jadikan suatu kawasan kampung tersusun.

Rancangan ini telah diatur di peringkat daerah bersama-sama dengan wakil-wakil rakyat dan disediakan infrastruktur ataupun prasarana lebih dahulu bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti mengadakan jalan memasukkan ke kawasan tersebut, kemudahan perbekalan air minuman, kuasa elektrik dan susunan tata atur rancangan yang meliputi bagi sesebuah kampung yang menyeluruh. Sekiranya kampung-kampung itu bersambung dengan kampung asal maka perkara seperti mengadakan

surau dan lain-lain itu seumpama taman rekreasi, padang permainan, tidaklah perlu kerana telah bersambung tetapi bagi kawasan-kawasan kampung tersusun yang baru hendak dibangunkan maka dalam perancangannya perlulah diaturkan iaitu supaya ditentukan ada tapak surau atau sekiranya kawasan itu besar diadakan masjid, taman rekreasi atau tapak padang permainan, tanah tapak perkuburan dan tapak kedai serta sekolah khusus bagi menjadi sekolah rendah dan menengah pada masa jangka panjang.

Di kawasan saya sendiri beberapa tapak seperti itu telah disediakan tetapi yang mengendalakan untuk diberikan kepada pemohon-pemohon ialah oleh kerana belum dapat disediakan infrastruktur misalnya di kawasan berhampiran dengan Sekolah Menengah di Redang Panjang, satu kawasan 200 ekar, tanahnya telah disediakan dengan tata atur yang lengkap dan sekarang sedang memohon bantuan dari pihak Kerajaan Negeri dan juga diharapkan di bawah peruntukan pinjaman atau bantuan daripada Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Perumahan dapat disalurkan bagi membolehkan kampung-kampung tersusun itu dilancarkan dengan pesatnya kerana pemohon-pemohon daripada orang ramai yang tidak mempunyai tapak perumahan, yang masih menumpang di atas tanah orang-orang lain atau menumpang dalam dusun-dusun dan sebagainya yang memerlukan rumah sendiri dan mereka mampu membangunkan rumah tersebut di atas tapak yang dapat kita aturkan sebagai kampung tersusun yang saya maksudkan tadi. Jadi tanah itu letaknya di kawasan Simpang Sungai Segu, Redang Panjang, Ijok lebih kurang 200 ekar yang telah disediakan tata aturnya. Begitu juga di kawasan Batu 19 Batu Kurau, Perak, hampir 200 ekar juga dan kawasan Majlis Tempatan Kubu

Gajah, Selama, Perak dan Taman Permai berhampiran kawasan Bandar Selama.

Tuan Pengerusi, selain daripada kampung-kampung tersusun yang saya sebutkan itu maka di kawasan saya sendiri, di kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan ada di antaranya kawasan-kawasan yang perlu disampaikan atau dibekalkan dengan kuasa elektrik bagi menyesuaikan keadaan dengan pembangunan yang sedang kita usahakan dari segi pembangunan di zaman sains dan teknologi ini iaitu membolehkan keadaan penduduk berhampiran kawasan-kawasan penguasa tempatan bagi mendapatkan bekalan kuasa elektrik.

Sebagaimana kita maklum, bahawa Negeri Perak lah satu kawasan yang banyak sekali diadakan power hydro electric, iaitu di kawasan Ulu Perak, boleh dikatakan keseluruhan Batang Hari atau Sungai Perak itu telah diempang dan dijadikan power hydro electric misalnya di Temenggor, tak cukup dari situ di bawahnya dibuat lagi dibangunkan juga power hydro electric di Bersia dan tidak cukup itu juga diempang lagi di bawahnya dengan power hydro electric di Kenering dan kebanyakan kuasa-kuasa api ini disampaikan ke sebelah Pantai Timur dan sehingga menjadi soalan-soalan kepada rakyat khususnya di kawasan majlis kerajaan tempatan, penguasa-penguasa tempatan di kawasan KESBAN atau kawasan sempadan kerana mereka nampak kabel-kabel elektrik ini merintang kampung mereka tetapi tidak dapat menikmati kuasa-kuasa api letrik tersebut. Jadi di dalam peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 1984, saya menyeru supaya dapat diberi kemudahan seberapa yang termampu memandangkan kawasan-kawasan keselamatan di kawasan Ulu Perak iaitu Kawasan Gerik, Kawasan

Lenggong, Kawasan Keroh dan juga kawasan saya sendiri iaitu Larut, termasuk kawasan Selama, Ulu Selama, Kawasan Ijok dan kawasan Batu Kurau, bagi kawasan-kawasan yang masih berhampiran dengan kawasan penguasa tempatan yang belum lagi mendapat kuasa-kuasa elektrik.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya menyokong rakan-rakan saya yang telah bercakap terdahulu dari saya tadi, juga hari semalam mengenai rancangan perumahan awam kos rendah. Kita berterima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah mengaturkan perancangan-perancangannya. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidaklah mencukupi, seberapa boleh kita cuba membahagi-bahagikan supaya rancangan perumahan ini kita letak di kawasan-kawasan yang sangat penting dan sangat memerlukan terutama sekali bagi penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah dan juga berhampiran dengan kawasan-kawasan keselamatan bagi membolehkan mereka itu dikumpulkan di dalam satu kawasan yang lebih selamat dan lebih memberi jaminan dengan kawalan keselamatan bagi mengelakkan daripada anasir-anasir yang cuba mengganggu-gugat mereka ataupun meracuni pemikiran rakyat kita yang duduk terpencil berhampiran hutan dan sebagainya bagi membolehkan mereka mendapat rancangan perumahan awam kos rendah yang sentiasa dibangunkan dari semasa ke semasa. Saya rasa dengan adanya pinjaman-pinjaman yang dapat diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah peruntukan dalam muka surat 135 di bawah Maksud 15 iaitu Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri seperti di Bahagian (a), dan Bahagian (b) kepada Malaysia Building Society Berhad.

Apa yang ingin saya tumpukan ialah Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya diperluaskan dan dapat dibanyakkan selain daripada yang dirancang dan diaturkan oleh Kementerian sendiri, maka juga bolehlah dijayakan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ataupun diberikan tapak-tapak yang telah siap itu dibangunkan oleh pihak swasta seperti yang telah dimajukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menyentuh mengenai rancangan perumahan awam kos rendah.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Akhirnya, sebelum saya duduk, saya juga berasa dukacita mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang sekarang ini pun selepas dia bercakap, dia pun tak ada lagi dalam Dewan, bahkan bukan sahaja dia tak ada, malahan seluruh anggota-anggota daripada parti Pembangkang khususnya DAP tak ada dalam Dewan ini.

Pada satu ketika dahulu, 3 haribulan yang lalu, semua ahli-ahli partinya disuruh keluar dan dia sendiri mengatakan tak cukup korum dalam Dewan ini. Jadi begitulah keadaan telatah pihak Pembangkang ini dan sanggup mengeluarkan satu cadangan yang begini rendah iaitu bertujuan hendak memotong \$10 daripada gaji Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Usul ini, satu usul yang sangat rendah dan kita rasa seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini telah menolak dengan suara yang terbesar tadi tetapi walaupun kita rasa musykil tiap-tiap perkara yang dibangkitkan di dalam Dewan ini tidak lain dan tidak

bukan ialah mengungkitkan perasaan-perasaan yang boleh menimbulkan perasaan perpecahan di antara kaum dan rakyat yang berbilang kaum dalam negara kita.

Sebagai pemimpin-pemimpin, perlulah mempunyai perasaan tanggungjawab walaupun peranan politik yang ditujukan itu untuk kepentingan parti tetapi fikirkan masalah yang akan dihadapi oleh negara sekiranya perkara yang macam ini selalu diperkatakan di dalam Dewan dan juga di luar Dewan. Lidah manusia lebih tajam daripada mata pedang. Jadi kalau sekiranya ini masih berterusan-terusan berlaku gelagat yang seperti ini saya rasa kita dengan sedih dalam Dewan yang mulia ini memandang sikap daripada pihak Ketua Pembangkang dan rakan-rakannya, pihak pembangkang daripada DAP yang sentiasa mengungkit-ungkit masalah yang telah selesai atau perkara-perkara yang boleh menenangkan keadaan rakyat dalam negara bagi melahirkan perpaduan dan muhibah pada masa akan datang.

Sekiranya benda ini masih ditimbulkan dan ditonjolkan perasaan perkauman yang disemai ini kita khuatir niat baik kita bersama, niat baik Kerajaan kita untuk melahirkan sebuah negara, aman damai, harmoni dan bersatu-padu akan tercacat, tergentat dan melambatkan perancangan yang sedang kita tuju. Maka dengan rasa dukacita, Tuan Pengerusi, saya nyatakan lagi sekali atas sikap yang ditujukan oleh pihak Ketua Pembangkang dari Kota Melaka tadi. Maka dengan ini saya menyokong peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit.

5.42 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk bersama-sama menyokong peruntukan bagi Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian ini kerana usaha-usaha yang telah dialankannya untuk keperluan perumahan kepada rakyat-rakyat terutamanya kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Maka di sini saya akan menyentuh masalah-masalah yang boleh mendatangkan faedah di dalam membantu ataupun dalam usaha membantu rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah yang masih memerlukan rumah-rumah dan kediaman. Oleh itu, saya akan menyentuh muka surat 127 iaitu bagi Maksud Bekalan 16, Butiran 1100, Program (2) (d) iaitu Skim Pinjaman Perumahan.

Tuan Pengerusi, apa yang hendak saya timbulkan ialah Skim Pinjaman Perumahan bagi orang-orang yang berpendapatan rendah. Seperti yang telah dikemukakan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, skim ini adalah bersesuaian dengan tujuan aktiviti Skim Pinjaman Perumahan oleh Kementerian ini, iaitu untuk memberi pinjaman perumahan kepada warganegara Malaysia dari golongan-golongan berpendapatan rendah untuk memenuhi keperluan perumahan, menambah bilangan rumah-rumah yang baik dan sesuai diduduki, lengkap dengan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan asas, memperbaiki taraf kehidupan masyarakat bandar dan luarbandar, menambahkan eksploitasi tapak rumah dan mengurangkan masalah-masalah setinggan.

Tuan Pengerusi, rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah ini masih terlalu banyak lagi yang tidak mempunyai rumah-rumah yang sempurna, rumah yang selesa untuk kehidupan keluarga mereka, terutama sekali di kawasan luarbandar di mana kalau adapun rumah kediaman mereka ini keadaannya terlalu uzur dan memerlukan pembinaan semula. Perkara ini ada kaitan dengan Maksud P 16, Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 15 muka surat 135. Jadi saya sekalikan dengan Bekalan 16, Butiran 1100 tadi. Walaupun pembinaan rumah-rumah kos tinggi, kos sederhana dan kos rendah begitu banyak dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun pemaju swasta namun mereka ini tidak mampu untuk memiliki ataupun membeli rumah-rumah tersebut iaitu kepada golongan berpendapatan rendah tadi.

Rumah-rumah kos rendah yang begitu banyak dibina atau didirikan oleh kedua-dua pihak, agensi Kerajaan dan juga badan swasta, keadaan harganya terus meningkat dari sehari melambung naik sehingga maksud kos rendah itu telah berubah kepada kos mahal. Ini adalah disebabkan pemaju swasta terutamanya terus mengaut keuntungan yang tinggi tanpa memikirkan kesulitan hidup dan tanggung berat rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah ini. Kementerian Perumahan patutlah membuat satu kawalan yang ketat dan tegas tentang kenaikan harga-harga rumah ini. Begitu juga penyelarasan harga rumah iaitu harga rumah awam yang sama jenisnya di mana kadang-kadang terdapat perbezaan harga yang sungguh jauh antara satu skim dengan satu skim yang lain.

Saya beri contoh di sini iaitu di kawasan saya di Parit. Ada satu kawasan ataupun perumahan awam Parit Satu namanya yang mana berharga \$23 ribu. Sementara satu skim perumahan awam yang lain yang

terdapat berhampiran juga dengan kawasan saya iaitu di Sitiawan dijual kepada pemohon-pemohon ataupun yang mendudukinya sekarang dengan hanya berharga \$13 ribu sahaja. Apabila penghuni-penghuni perumahan awam Parit Satu ini menyatakan rasa kurang puashati, rasa kurang puas ataupun tidak bersetuju dengan harga yang sangat jauh berbeza ini, jawapan yang mereka terima ialah kerana kos pembinaan rumah yang mereka duduki itu adalah berlainan masa pembinaannya dengan rumah yang diduduki oleh satu pihak yang lain. Semasa pembinaan skim ini dulu, tiga kontraktor telah melakukan, membina dan lari menyebabkan kosnya naik. Dan apabila kos pembinaan telah naik maka terpaksa dijual rumah itu dengan harga yang tinggi. Jadi di sini yang menghairankan mengapakah kenaikan harga kos pembinaan itu terpaksa ditanggung oleh rakyat-rakyat yang membeli rumah tersebut. Pada pendapat saya tanggungan kos yang tinggi disebabkan oleh kesalahan kontraktor ataupun pemaaju janganlah dibebankan kepada rakyat untuk menampung kerugian yang telah berlaku. Jadi, di sini saya haraplah Kementerian akan dapat menyiasat masalah ini dan mengambil tindakan untuk membetulkan perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, berbalik dengan Skim Pinjaman Perumahan, sebenarnya pinjaman perumahan bagi penduduk ataupun bagi rakyat yang berpendapatan rendah ini tidak banyak diketahui oleh orang-orang luar bandar khususnya kepada rakyat yang bekerja sendiri iaitu yang tidak makan gaji. Jadi, baharu-baharu ini saya telah menemui penduduk-penduduk di sebuah kampung dalam kawasan saya yang bernama Kampung Pancor. Ini saya beri contoh untuk pinjaman ini. Kampung ini adalah merupakan kampung pemindahan yang dilakukan zaman daruat dahulu. Mereka telah pun diberikan hakmilik

tanah masing-masing yang keluasannya hanyalah secukup-cukup untuk mendirikan sebuah rumah yang kecil iaitu antara 3,000 dengan 5,000 kaki persegi. Keadaan rumah kediaman mereka terlalu uzur dan kecil, masing-masing pula keluarganya subur-subur dengan kelahiran anak. Tiap-tiap keluarga ada yang 8 orang atau 10 orang anak yang menduduki rumah yang kecil dan uzur tadi. Hendak mendirikan rumah baharu bagi mereka ini amatlah sukar bagi mengumpulkan wang yang berjumlah \$6,000 ataupun \$7,000. Hitung-panjang pendapatan mereka adalah di bawah \$350.

Saya telah mengesyorkan kepada mereka untuk membuat pinjaman melalui Skim Pinjaman Perumahan Berpendapatan Rendah ini. Kerana syarat-syarat yang ada pada mereka mencukupi untuk mengemukakan permohonan iaitu berpendapatan di bawah \$350, yang kedua, mempunyai tanah yang bergeran, umur di bawah 45 tahun dan warganegara. Maka di sini saya ingin mengemukakan cadangan-cadangan dengan tujuan untuk meringankan syarat-syarat yang boleh menyegerakan pinjaman ini diluluskan. Orang-orang yang terdapat di sini iaitu kebanyakannya bekerja kampung mempunyai daya pemikiran yang cetek atau rendah daripada orang-orang makan gaji kalau dibandingkan.

Untuk mengisi borang yang berbagai-bagai kehendak itu pun telah memeningkan kepala mereka. Borang yang hendak diisi kurang 10 helai, setengah daripadanya langsung tidak boleh difahami oleh mereka walaupun ini boleh dibantu, tetapi dengan syarat-syarat dan dengan kehendak-kehendak yang begitu banyak yang terdapat dalam borang pinjaman tersebut menyebabkan setengah daripada mereka mula menarik diri daripada untuk membuat pinjaman kerana mereka

mengganggapi apabila borangnya sudah begitu susah sudah tentulah pinjaman itu akan susah juga hendak diluluskan.

Jadi, tentang bayaran bulanan yang dikenakan kepada peminjam, saya cadangkan supaya ditimbang dengan seadil-adil ataupun semurah-murah hati oleh Kementerian iaitu biarlah yang paling rendah, paling minima. Caranya ialah dengan menentukan faedah pinjaman paling minima, paling rendah, misalnya sama ada 1% atau 2% ataupun dikecualikan terus daripada faedah pinjaman. Kerana kalau kita bandingkan dengan pinjaman yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan dikenakan faedah sebanyak 4%, maka apa salahnya kepada orang-orang yang berpendapatan rendah ini, yang miskin ini dikecualikan daripada membayar faedah kerana kita sudah dapat banyak keuntungan pinjaman daripada orang-orang berpendapatan yang lumayan. Maka di sini baharulah benar-benar kita dapat membantu penduduk-penduduk miskin terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman, kawasan-kawasan luar bandar ini bagi mendapatkan rumah kediaman yang sempurna dan selesa dan dapatlah anak-anak mereka tempat yang sempurna untuk menghadapi buku-buku pelajaran mereka, kerana saya percaya salah satu daripada sebab kemunduran dan kelemahan pelajar-pelajar di kawasan-kawasan luar bandar ialah kerana kemudahan rumah kediaman yang tidak selesa akan menjejaskan prestasi pelajaran anak-anak tersebut.

Begitu juga dengan tindakan proses borang permohonan ini hendaklah disegerakan kerana pinjaman yang dibuat oleh orang-orang yang saya sebutkan tadi hingga sekarang belum lagi mendapat jawapan sama ada luluskah atau tidak, sudah hampir enam-tujuh bulan. Jadi, kepada mereka orang kampung merasakan

apabila sesuatu yang mereka kehendaki itu mereka anggap akan dapat dengan segera, mereka cukup ingin hendak mulakan satu penghidupan baharu tetapi apabila sudah berlarut-larut tidak dapat juga jawapan, mereka menganggap sudah tentulah ini satu perkara mustahil kepada mereka untuk mendapat mengubah keadaan hidup mereka, keadaan rumahtangga mereka. Jadi, eloklah perkara semacam ini dapat perhatian daripada Kementerian supaya disegerakan kelulusan pinjaman oleh permohonan-permohonan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 1100 juga, iaitu Program (3) berkenaan dengan Kerajaan Tempatan, muka surat yang sama. Di dalam kawasan saya terdapat beberapa Kampung-kampung Baru, di Parit ada juga Kampung Baru yang didiami oleh kaum bukan bumiputera iaitu nama Kampung Baru Nala, Kampung Baru Bali dan lain-lain. Penduduk-penduduk di kampung ini sejak diwujudkan zaman darurat keadaannya sangat padat dan bertambah padat pada hari ini. Penduduk di sana selalu menyampaikan masalah-masalah mereka kepada saya untuk dibaiki masalah-masalah yang terdapat di perkampungan itu.

Misalnya, jalan raya yang masuk ke kampung mereka sempit dan selalu berlaku kemalangan. Jalan-jalan kampungnya banyak yang rosak dan pecah-pecah. Saliran airnya tidak memuaskan dan banyak pula yang melempah ataupun pecah dan pasar ataupun market dan dewan orang ramai sudah terlalu uzur didirikan 20 tahun yang lalu. Inilah masalah yang disampaikan kepada saya. Jadi, tindakan yang saya buat peringkat mula menemui Pegawai Daerah, maka sudah tentulah jawapan diterima bahawa peruntukan tidak ada. Peruntukan yang ada di Pejabat

Daerah adalah peruntukan pembangunan luar bandar, tidak dapat digunakan untuk Majlis Tempatan dan juga Kampung-kampung Baru. Oleh itu, peruntukan untuk Kampung-kampung Baru dan Majlis-majlis Tempatan ini hendaklah di tambah ataupun diambil perhatian supaya masalah, kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sana dapat juga diberikan sedikit pembelaan.

Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan P. 18, saya akan sentuh dengan ringkas sahaja iaitu Butiran 1 dan 2 muka surat 149 berkenaan dengan Balai Bomba dan Bangunan dan Kereta-kereta Bomba dan kelengkapan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan patutlah membuat kajian semula terhadap dua masalah ini terutamanya di kawasan-kawasan bandar-bandar kecil ini kerana kejadian kebakaran ini tidak memilih tempat, tidak memilih masa, sama ada bandar kecil, sama ada bandar besar, sama ada siang atau malam. Walaupun begitu, saya mengucapkan tahniah juga kepada kakitangan Balai Bomba ini kerana kecekapan yang telah dilakukan oleh mereka di dalam usaha menyelamatkan rumah-rumah atau bangunan-bangunan yang terbakar. Tetapi oleh kerana kelengkapan yang kurang, kakitangan yang sedikit, serta kedudukannya yang jauh akibatnya bila berlaku satu-satu kebakaran di daerah-daerah atau di kampung-kampung jarang yang dapat diselamatkan.

Misalnya, baru-baru ini di kawasan saya juga di Parit terdapat satu bandar kecil yang bernama Titi Gantung telah berlaku satu kebakaran yang begitu besar iaitu sederet kedai 13 pintu ranap sama sekali dimakan api. Kesemua kedai-kedai ini kepunyaan peniaga-peniaga Bumiputera. Kereta Bomba yang jauh tidak dapat

menyelamatkan kebakaran tersebut, kerana di kawasan saya ini di Parit dan termasuk kawasan Hilir Perak yang duduk di dalam kawasan Perak Tengah hanya terdapat satu Balai Bomba kecil dan mempunyai sebuah sahaja kereta bomba. Luas kawasan yang terpaksa dikawal oleh Balai Bomba Bang satu ini sudah tentulah tidak seimbang dan tidak dapat memenuhi keperluan bagi menyelamatkan kemalangan-kemalangan atau kebakaran yang berlaku di kawasan yang begitu luas. Memendekkan cerita, saya berharaplah kepada Kementerian ini supaya menimbangkan supaya menambah sebuah lagi Balai Bomba atau kalau tidak boleh dikatakan Balai Bomba katakanlah cawangan. Di tiap-tiap daerah ada Balai Bomba ada cawangan supaya bantuan segera sekiranya berlaku satu-satu kebakaran dapat dihantar untuk menyelamatkan harta benda rakyat yang kebanyakannya dari keluarga miskin yang sudah tentu amat sukar sekali untuk mereka ini memulihkan kehidupan mereka apabila berlakunya bencana kebakaran tersebut. Begitulah juga dengan kereta bombanya, peralatannya, kakitangannya hendaklah ditambah di mana-mana juga Balai Bomba yang terdapat di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja maka bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain menyokong peruntukan bagi Kementerian ini.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Saya minta Menteri berkenaan menjawab.

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas minat yang

ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa membahaskan Belanjawan 1984 yang dibentangkan baru-baru ini.

Saya tidaklah bercadang untuk menjawab satu persatu mengenai perkara yang disentuh tetapi sebaliknya saya akan memberi gambaran yang menyeluruh tentang program-program yang akan dijalankan oleh Kementerian ini yang merangkumi sebahagian besar daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dalam masa dua hari ini terdapat seramai 14 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Oleh kerana saya telah pun menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka maka bolehlah kita kira 13 orang sahaja.

Pertamanya, saya inginlah membincangkan berkenaan dengan Perkhidmatan Kerajaan Tempatan. Kementerian sedar tentang perkara ini dan telah pun berusaha untuk mengatasi masalah ini dan Kementerian hari ini masih belum menerima maklum balas tentang perwujudan Perkhidmatan Kerajaan Tempatan daripada beberapa Kerajaan Negeri dan agensi-agensi pusat. Tindakan pengwujudan Perkhidmatan Kerajaan Tempatan akan memberi peluang untuk mempertingkatkan daya pengeluaran kerana suasana kerja akan bertambah baik dari segi kenaikan pangkat, pertukaran dan sebagainya bagi pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Labis telah membangkitkan mengenai harga rumah yang tinggi dan juga sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Parit juga dan beberapa orang yang lain

telah pun membangkitkan juga perkara harga rumah yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh pembeli-pembeli dan terdapat juga pemaju-pemaju membiarkan rumah yang telah siap sanggup dikosongkan begitu sahaja sehingga memperoleh pembeli-pembeli yang sanggup membelinya dengan harga yang tinggi. Dalam masalah ini Kementerian tidak boleh berbuat apa-apa oleh kerana tiap-tiap pemaju itu berhak menetapkan harga rumah-rumah yang mereka bina dan tambah pula Kerajaan kita menggalakkan "free enterprise". Walau bagaimanapun tiap-tiap seseorang pembeli itu perlu berwaspada dan meneliti sama ada harga rumah yang mereka beli itu berpatutan dengan keadaan tempatan dan harga rumah-rumah yang terdapat di kawasan yang berkenaan. Apa yang menjadi masalah, perkara yang berkaitan itu berlaku ialah kerana pembeli-pembeli merasakan bahawa mereka perlu mendapatkan rumah dengan apa cara sekalipun dan sanggup membayar harga yang ditetapkan oleh pemaju tanpa mengira sama ada mereka berkemampuan untuk membayar balik kemudian hari. Dengan anggapan dan cara demikian itulah para pemaju mengambil kesempatan untuk menanggung di air keruh dan menaikkan harga rumah-rumah yang berkenaan.

Kementerian ingin menasihatkan kepada para pembeli sekalian supaya tidak begitu tergesa-gesa untuk membeli rumah sebab pada masa ini banyak skim yang telah diluluskan oleh Kerajaan di seluruh negara kita ini. Jika sekiranya pembeli-pembeli lebih berhati-hati dalam pembelian rumah dengan sendirinya harga rumah ini akan turun dan masalah harga yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu mungkin tidak akan timbul. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat yang memerlukan seseorang pemaju atau syarikat berhad

mengadakan modal yang dibayar secara tunai sebanyak \$250,000 adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 6 (1) (a) dan telah wujud sejak Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 ditubuhkan. Syarat ini tidak berubah sehingga hari ini. Walau bagaimanapun sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 6 (2) Akta tersebut, seseorang pemaju boleh memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk mendapat pengecualian syarat itu.

Yang Berhormat Menteri dalam pada meluluskan pengecualian itu boleh pula mengenakan syarat lain yang difikirkannya perlu dan teratur dan biasanya syarat yang dikenakan ialah pemaju dikehendaki mengemukakan jaminan bank sebanyak \$100,000. Bagi pemaju-pemaju Bumiputera yang memajukan projek-projek kecil, ianya bolehlah merayu supaya jumlah jaminan bank itu dikurangkan lagi. Dengan yang demikian kenyataan Yang Berhormat bahawa pemaju-pemaju Bumiputera, yakni Yang Berhormat dari Labis kalau tidak silap saya, bahawa pemaju-pemaju Bumiputera dipaksa memenuhi syarat tersebut, adalah tidak betul.

Saya ingin juga untuk memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar di mana beliau telah membangkitkan mengenai pemaju-pemaju perumahan yang telah menipu serta memperbodohkan para pembeli rumah dan juga beliau telah membangkitkan mengenai pemaju-pemaju perumahan yang tidak mengikut spesifikasi yang telah diluluskan. Dalam perkara yang dibangkitkan, apa yang perlu dibuat oleh pembeli-pembeli rumah ialah untuk berhati-hati terutama sekali apabila menandatangani surat perjanjian dan selepas itu hendaklah dari semasa ke semasa mengawasi pembinaan bangunan yang mereka beli itu. Misalnya, sekiranya pemaju

menghantar surat suruh membayar 10% lagi oleh kerana dinding sudah naik ataupun tingkap sudah ditebuk, perlulah si pembeli ini tadi pergi menengok sama ada betul atau tidak; jangan hanya bila dapat surat itu lalu membayar sahaja. Saya suka mengingatkan supaya pergi dari masa ke semasa dan menengok rumah yang hendak dibeli itu. Jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dan didapati pemaju itu menyeleweng maka bolehlah membuat aduan ke Kementerian untuk tindakan selanjutnya.

Apa yang berlaku sekarang ini ialah pembeli-pembeli rumah kebanyakannya tidak membuat aduan kepada Kementerian. Walaupun pegawai-pegawai saya telah pun membuat kerja-kerja pengawasan dari semasa ke semasa, tetapi perkara ini tidaklah dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya sebab terlalu banyak skim-skim yang perlu dijagai. Semoga dengan kerjasama dari kedua-dua belah pihak, daripada pembeli/pemaju, penyelewengan sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi dapat kita elakkan.

Saya ingin juga menjelaskan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas mengenai perancangan pekan-pekan kecil. Sukacitalah dinyatakan iaitu Kementerian dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa mempunyai dasar-dasar bagi mewujudkan ruang-ruang yang cukup untuk aktiviti-aktiviti perniagaan di pekan-pekan kecil terutama sekali bertujuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera. Walau bagaimanapun pelaksanaan dasar-dasar ini adalah mengikut keutamaan berasaskan kepada kemampuan Penguasa Tempatan tertentu dan juga penglibatan orang-orang tempatan.

Kalau tidak silap saya, Ahli Yang Berhormat ini juga telah menimbulkan perkara berkenaan dengan kursus-kursus untuk peniaga-peniaga kecil. Saya ingin menyatakan di sini, ini adalah di luar daripada bidangkuasa Kementerian dan rasa saya sebagaimana saya selalu menyatakan, adalah tanggungjawab kita kalau kita sedar untuk menyedarkan orang yang tidak sedar ini tadi supaya mereka ini berkursus dengan agensi-agensi seperti MARA dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut pula mengenai penyediaan pelan-pelan bangunan, sukaiah saya memaklumkan iaitu kelulusan pelan-pelan bangunan adalah dibuat oleh Penguasa-penguasa Tempatan sendiri. Maka perkara kebersihan bangunan yang telah pun siap adalah tanggungjawab Penguasa-penguasa Tempatan. Walau bagaimanapun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis-garis panduan tentang cara-cara menyelenggarakan kebersihan kawasan termasuk juga bangunan-bangunan. Pihak Kementerian berharap bahawa Penguasa-penguasa Tempatan akan melaksanakan garis-garis panduan. Tentang ilmu pengetahuan dan kepakaran, terpulanglah kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk menghantar pekerja-pekerjanya untuk berkursus yang kini sedang dianjurkan oleh Kementerian ini bersama dengan Universiti Pertanian Malaysia. Penguasa-penguasa Tempatan juga boleh menghantar pekerja-pekerjanya ke tempat-tempat lain yang telah berjaya dalam penyelenggaraan kebersihan bangunan-bangunan dan kawasan.

Jabatan-jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri adalah diwartakan sebagai Jabatan yang

bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat berhubung dengan perancang bandar dan desa. Dengan yang demikian Penguasa-penguasa Tempatan dan Majlis-majlis Daerah berhak meminta khidmat nasihat daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri berhubung dengan kelulusan pelan dan lain-lain aspek perancangan bandar, dan sekiranya perlu, khidmat nasihat yang boleh diperolehi daripada Ibu pejabat Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kuala Lumpur berhubung dengan kerja-kerja perancangan yang spesifik yang mana tidak dapat diberi oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri seperti penyediaan pelan-pelan struktur. Jadi, Tuan Pengerusi, Penguasa-penguasa Tempatan ini bolehlah meminta khidmat daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa bukan sahaja di peringkat Negeri tetapi juga di peringkat Kebangsaan.

Kementerian ini sedang mengkaji untuk mengenalpastikan punca-punca kewangan yang boleh dikutip oleh Penguasa-penguasa Tempatan yang kini boleh dikenalpastikan atau dikutip tetapi kutipan lemah kerana kurang penguatkuasa. Pihak Kementerian berharap bahawa kajian ini akan siap dalam masa 3 bulan.

Saya sebutkan ini oleh kerana beberapa Ahli Yang Berhormat tadi seperti dari Tenggaroh, Ulu Muda, Kuala Kedah dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menimbulkan tadi berkenaan dengan perbelanjaan pengurusan yang tinggi untuk Penguasa-penguasa Tempatan.

Ingin juga saya menyatakan di sini iaitu selaras dengan konsep persyarikatan Malaysia dan konsep pengswastan itu, maka Kementerian berharap Penguasa-penguasa Tempatan ini akan cuba untuk mencari jalan supaya melaksanakan projek-projek mereka dengan menggunakan konsep-konsep tersebut.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus yang menimbulkan masalah mengenai saluran najis, seperti mana yang diketahui kelulusan pelan-pelan bangunan adalah dalam bidang tanggungjawab Penguasa-penguasa Tempatan. Walau bagaimanapun Kementerian ini akan mengambil tindakan supaya Penguasa-penguasa Tempatan menentukan syarat bahawa saluran najis atau saiz pembetung najis ini adalah selaras dengan saiz bangunan-bangunan.

Berkenaan dengan pasar-pasar yang dibina dahulu memanglah saya akui di sini iaitu pasar-pasar yang dibina dahulu telah dapat menampung keperluan lalulintas kenderaan. Tetapi pada masa sekarang jalan-jalan telah menjadi sempit dan tidak mampu untuk menampung keperluan lalulintas. Pembinaan pasar-pasar sekarang telah mengambil berat atas perkara ini. Walau bagaimanapun Penguasa-penguasa Tempatan mestilah menguatkuasakan peraturan-peraturan lalulintas serta penjaja-penjaja supaya tidak mengendalikan perniagaan mereka di tepi-tepi jalan dan mengganggu lalulintas.

Saya ingin juga menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan program perumahan awam kos rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Jerantut telah mencadangkan supaya taman permainan kanak-kanak serta padang permainan sukan disediakan serentak dengan pembinaan projek-projek perumahan awam kos rendah. Adalah tujuan Kerajaan supaya seberapa boleh perlaksanaan kemudahan ini diselaraskan bersama dengan pembinaan projek perumahan awam kos rendah. Untuk memenuhi tujuan ini bagi projek-projek di bandar iaitu projek kondominium kos rendah, kos untuk menyediakan kemudahan sosial

ini bolehlah dikeluarkan daripada Tabung Wang Amanah yang diberikan kepada Kerajaan Negeri berkenaan. Walau bagaimanapun bagi projek-projek luar bandar, kemudahan ini terpaksa disediakan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab iaitu Kerajaan Tempatan atau lain-lain agensi seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pejabat Ugama dan sebagainya.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jerantut supaya saiz rumah kos rendah dibesarkan. Adalah dimaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Kerajaan telah menetapkan bahawa saiz rumah-rumah kos rendah mestilah dalam lingkungan 500 hingga 600 kaki persegi. Rumah pangsa seperti juga rumah kos rendah yang lain mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik tidur, satu ruang tamu atau tempat makan, satu bilik dapur, satu bilik air yang boleh juga diasingkan daripada bilik tandas. Selain daripada itu tiap-tiap rumah pangsa disediakan dengan satu ruang khas di sebelah belakang untuk tujuan menjemur kain atau menyimpan barang.

Sebelum Kementerian menentukan saiz rumah awam kos rendah, faktor-faktor seperti pembinaan, kepadatan unit sehektar, dan kemampuan rakyat berpendapatan rendah iaitu yang berpendapatan keluarganya tidak melebihi daripada \$750 sebulan telah diambil kira.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga telah mencadangkan supaya dalam merancang perlaksanaan sesuatu projek keutamaan perlulah diberi kepada kawasan yang benar-benar dhaif dan memerlukan perumahan yang mendesak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian dalam perbincangannya dengan Kerajaan Negeri sentiasa menekankan bahawa projek-projek yang

dicadangkan oleh Kerajaan Negeri perlulah mengambil kira kriteria keperluan perumahan bagi sesuatu tempat. Cara umumnya ia telah diamalkan oleh semua Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun kerana sasaran bagi tiap-tiap Kerajaan Negeri ini adalah dihadkan maka dalam pembahagian unit kepada kawasan-kawasan yang memerlukan perumahan, Kerajaan Negeri terpaksa menggunakan budibicaranya untuk menentukan bilangan yunit yang boleh dimajukan dan tapak-tapak yang telah dikesan olehnya.

Tuan Pengerusi, projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu projek perumahan awam kos rendah di Lenggong II ialah satu daripada projek yang Kerajaan Negeri sendiri perlu menetapkan yunitnya mengikut hakikat ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Perak juga ada mempunyai projek perumahan awam kos rendah yang tidak berapa jauh daripada kawasan Lenggong iaitu projek di Kota Tampan II yang mengandungi 100 yunit rumah.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pula supaya program perumahan awam kos rendah ini diswastakan, isu pengswastaan tidaklah patut dikaitkan dengan kelembapan mencapai kemajuan perlaksanaan bagi program perumahan negara keseluruhannya.

Saya tidaklah mahu terima tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ini yang menyatakan prestasi kemajuan perumahan dalam Kementerian ini adalah lembab.

Tuan Pengerusi, kelembapan sebenarnya, kalaulah ada, adalah oleh kerana beberapa sebab dan

terutamanya ialah oleh kerana keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan dan bukanlah oleh kerana tidak kecakapan pegawai-pegawai di dalam Kementerian.

Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya akan beri peratus pencapaian yang telah didapati tetapi untuk meneruskan kerana dia juga telah membangkitkan tentang satu lagi perkara mengenai perkara Akta Kawalan Sewa yang dibangkitkannya semalam, maka sebagai Ahli Yang Berhormat dia pun sendiri telah sedia maklum bahawa Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa bagi mengkaji Akta Kawalan Sewa 1966 dan Laporan Jawatankuasa ini adalah masih dalam pertimbangan Kabinet. Pihak Kabinet belum lagi membuat keputusannya ke atas perakuan-perakuan laporan yang berkenaan oleh kerana isu-isu yang ditimbulkan dalam Laporan itu mengandungi unsur-unsur yang rumit dan memerlukan kajian yang lebih mendalam. Dan kalau kita membuatnya sesuatu itu tergesa-gesa, nanti pula Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu akan menuduh kita nanti berat sebelah dan sebagainya. Jadi untuk mengelakkan keadaan itu, kita akan membuat kajian yang lebih teliti lagi.

Tuan Pengerusi, bagi kemajuan perumahan sektor swasta pula, pemaju swasta tidak melaksanakan projek mereka seperti yang diramalkan oleh kerana rumah-rumah yang dibina oleh mereka adalah di luar daripada kemampuan sebahagian besar daripada bakal pembeli rumah.

Selain daripada ini pinjaman daripada bank-bank bagi rumah yang berharga lebih daripada \$100 ribu seunit membawa kadar bayaran faedah yang terlalu tinggi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.